

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 20 (A88)

Minta dinyatakan apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JTDC untuk melatih tenaga kerja Johor dalam bidang kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan, automasi industri, tenaga boleh baharu, dan ekonomi digital, serta sejauh mana hasilnya dapat dilihat dalam pasaran pekerjaan negeri.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi melatih tenaga kerja tempatan dalam **bidang kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi industri, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital**. Pendekatan utama yang digunakan ialah model “end-to-end talent ecosystem”, yang merangkumi **keseluruhan rantai pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja, sehinggalah kepada penempatan pekerjaan berpendapatan tinggi**. Pendekatan ini memastikan pembangunan bakat bukan sahaja tertumpu kepada latihan semata-mata, tetapi turut menjamin kebolehpasaran graduan dan pekerja.

Dari sudut pelaksanaan program, **JTDC memberi penekanan kepada latihan berasaskan industri (*industry-driven training*) yang disesuaikan dengan keperluan sektor berimpak tinggi**. Antaranya ialah pelaksanaan **Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC)** yang memberi pendedahan langsung kepada teknologi pusat data, salah satu sektor utama dalam ekonomi digital Johor. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pemain industri global serta institusi pendidikan tempatan seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik dan universiti.

Sehingga kini, hasil pelaksanaan program latihan ini menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Seramai **5,433 peserta telah menamatkan latihan**, manakala **9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat**, dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta. Ini membuktikan skala pelaksanaan yang besar dan komprehensif dalam membangunkan tenaga kerja masa depan Johor. Pendekatan berstruktur ini juga membantu membina *talent pipeline* yang selari dengan keperluan pelabur dan industri baharu yang memasuki negeri ini.

Selain latihan, impak utama dapat dilihat melalui sistem padanan pekerjaan yang bersepadu. Berdasarkan laporan terkini, terdapat **17,436 pencari kerja berdaftar**, dan daripada jumlah tersebut **5,889 telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan**, manakala **2,015 telah ditempatkan secara langsung** melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik seperti PERKESO. Ini menunjukkan bahawa program latihan bukan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

sahaja meningkatkan kemahiran, malah berjaya diterjemahkan kepada peluang pekerjaan sebenar.

Tambahan pula, perkembangan sektor pusat data sebagai antara fokus utama ekonomi digital Johor turut memperlihatkan hasil yang ketara. Sehingga Mac 2026, sektor ini telah mewujudkan lebih **1,164 peluang pekerjaan**, dengan **96% daripadanya menawarkan gaji melebihi RM4,000**. Ini membuktikan bahawa latihan dalam bidang teknologi tinggi seperti automasi dan AI memberi pulangan dalam bentuk pekerjaan berpendapatan premium, sekaligus meningkatkan taraf hidup tenaga kerja tempatan.

Secara keseluruhannya, inisiatif JTDC telah berjaya mewujudkan ekosistem pembangunan bakat yang mampan dan berimpak tinggi. Latihan kemahiran masa depan yang disokong oleh kerjasama industri, sistem data yang komprehensif, serta mekanisme padanan pekerjaan yang efisien telah menghasilkan impak nyata dalam pasaran pekerjaan negeri. Ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja Johor, malah mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi yang mampu menarik pelaburan global.

Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 21 (A108)

Apakah langkah kerajaan negeri untuk mengawal kenaikan harga rumah dan kos sara hidup di kawasan Penawar yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan penuh keinsafan dan kebertanggungjawaban bahawa kawasan Penawar kini berdepan tekanan kenaikan harga rumah dan kos sara hidup yang semakin mencengkam, selaras dengan kepesatan pembangunan kawasan tersebut sebagai zon pertumbuhan baharu berhampiran Desaru dan Pengerang. Pembangunan ini adalah satu nikmat ekonomi, namun jika tidak diurus dengan hikmah, ia boleh bertukar menjadi tekanan kepada rakyat khususnya golongan B40 dan M40 apabila harga rumah di Bandar Penawar melonjak berasaskan nilai pasaran yang kian meningkat.

Justeru, Kerajaan Negeri tidak memilih untuk menjadi pemerhati kepada arus pasaran, tetapi tampil sebagai pengimbang yang tegas—memastikan kemajuan tidak mengorbankan keadilan sosial. Kita tidak mahu rakyat menjadi penonton di tanah sendiri. Kita mahu mereka menjadi pemilik, pewaris dan penerima manfaat kepada setiap inci pembangunan yang berlaku.

Sehubungan itu, langkah strategik yang dilaksanakan adalah bersifat menyeluruh, berstruktur dan berimpak tinggi. Antaranya, Kerajaan Negeri menetapkan kewajipan kepada pemaju untuk menyediakan komponen Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) dalam setiap pembangunan perumahan baharu, termasuk di kawasan Penawar, melalui Polisi 40% keperluan rumah mampu milik berdasarkan keluasan pembangunan. Ini bukan sekadar dasar atas kertas ini adalah benteng perlindungan kepada rakyat, agar dalam arus pembangunan yang deras, masih ada ruang yang terjamin untuk mereka memiliki kediaman pada harga terkawal.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri memperkukuh mekanisme pemantauan melalui Jawatankuasa Perancangan, Reka Bentuk dan Penilaian (PDRC). Peranan PDRC ini bukan sekadar menyelaras, tetapi memastikan setiap pemaju memikul tanggungjawab sosial mereka membina rumah mampu milik seiring dengan pembangunan pasaran bebas. Inilah keseimbangan yang kita perjuangkan agar pembangunan tidak berat sebelah, tidak meminggirkan, dan tidak mencipta jurang yang semakin melebar antara rakyat dan pasaran.

Kerajaan Negeri ingin menegaskan dengan penuh keyakinan—bahawa pembangunan pesat di Penawar tidak boleh menjadi alasan untuk rakyat tempatan terpinggir. Kita tidak akan membiarkan harga menentukan nasib rakyat. Sebaliknya,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

dasar akan mengawal pasaran, dan kerajaan akan terus campur tangan secara strategik demi memastikan keseimbangan yang adil dan saksama.

Untuk makluman Yang Berhormat, pencapaian di lapangan membuktikan kesungguhan ini. Sebanyak 2,328 unit RMMJ melibatkan 11 projek telah mendapat CCC di Daerah Kota Tinggi. Daripada jumlah ini, 549 unit RMMJ melibatkan 2 projek berada di DUN Penawar satu angka yang bukan kecil, tetapi satu bukti bahawa janji diterjemah kepada realiti.

Dalam masa yang sama, kesinambungan bekalan perumahan terus diperkukuh apabila sebanyak 700 unit RMMJ melibatkan 1 projek sedang dalam pembinaan di Daerah Kota Tinggi, iaitu Rumah Transit Penjawat Awam Pengerang yang dijangka siap pada Mei 2026. Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan bukan bersifat bermusim, tetapi berterusan, konsisten dan berpandangan jauh.

Lebih signifikan, ke hadapan, sebanyak 3,170 unit RMMJ melibatkan 12 projek akan ditawarkan di Daerah Kota Tinggi, dan daripada jumlah tersebut, 2,025 unit melibatkan 5 projek berada di DUN Penawar. Ini adalah isyarat jelas bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja menangani isu semasa, tetapi sedang membina masa depan—masa depan di mana rakyat masih mampu memiliki rumah di tanah sendiri.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan golongan paling memerlukan. Melalui inisiatif Rumah Kasih Johor dan Rumah Prihatin Johor, bantuan disasarkan secara langsung kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Di DUN Penawar, Rumah Kasih Johor mencatatkan 1 unit telah dibina, 7 unit akan dibina dan 1 unit dalam pembinaan, manakala bagi Rumah Prihatin Johor pula, 4 unit akan dibina dan 3 unit dalam pembinaan. Ini adalah manifestasi bahawa dalam setiap dasar besar, ada sentuhan kemanusiaan yang tidak pernah kita lupakan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri akan terus memastikan bahawa setiap pembangunan bukan sekadar menaikkan nilai pasaran, tetapi mengangkat martabat rakyat. Kita tidak mahu negeri ini hanya maju di atas kertas, tetapi kita mahu rakyatnya hidup dengan selesa, memiliki kediaman yang sempurna dan menikmati hasil kemajuan secara adil dan menyeluruh.

Inilah janji kita. Inilah komitmen kita. Dan insya-Allah, inilah yang akan terus kita laksanakan demi Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 22 (A97)

Apakah usaha FAMA dan kerajaan negeri dalam memastikan buah durian keluaran hasil daripada kawasan negeri Johor yang dieksport terutama ke negara luar seperti China dipromosikan sebagai produk hasil daripada Johor dan bukan menumpang nama daripada negeri lain?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran buah-buahan negara, dengan pelbagai komoditi bernilai tinggi seperti nanas, pisang, melon, cempedak, jambu batu dan lain-lain, termasuk durian. Johor terus mengekalkan kedudukan sebagai pengeluar utama serta mengukuhkan status sebagai 'syurga' buah-buahan tempatan dengan jumlah keseluruhan pengeluaran mencecah 917,000 tan metrik pada 2025.

Bagi komoditi durian, Johor merupakan pengeluar terbesar negara dengan keluasan tanaman 19,000 hektar serta pengeluaran sebanyak 223,000 tan pada tahun 2025, melibatkan lebih 2,700 pengusaha di seluruh negeri. Johor juga berperanan sebagai hab logistik utama eksport durian negara, dengan anggaran 20,000 hingga 30,000 metrik tan durian dieksport setiap tahun melalui pintu keluar utama seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pasir Gudang. Untuk rekod, terdapat sebanyak 165 syarikat berpangkalan di Negeri Johor yang terlibat secara aktif dalam aktiviti eksport durian ke pelbagai pasaran antarabangsa.

Durian kampung mendominasi jumlah eksport tahunan iaitu sebanyak 10,918 mt, diikuti D24 (6,418 mt), Musang King (2,960 mt) dan Blacktorn (0.5 tan)

Seiring dengan peningkatan permintaan, khususnya dari pasaran antarabangsa, durian telah dikenal pasti sebagai komoditi strategik yang berpotensi besar untuk terus diperkasa. Mulai Jun 2019, Malaysia telah dibenarkan untuk mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk biji ke China. Sebelum ini, hanya durian dalam bentuk *pulp* dan *paste* yang boleh dieksport ke China.

Justeru, ladang yang membekalkan durian dan fasiliti pemprosesan durian perlu berdaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA). Ladang tersebut juga perlu mempunyai sijil MyGAP. Senarai nama ladang dan fasiliti pemprosesan yang diluluskan oleh DOA ini seterusnya akan dikemukakan untuk kelulusan oleh *The General Administration of Custom People's Republic of China* (GACC).

Di pasaran China, durian bukan sekadar buah-buahan, malah dilihat sebagai komoditi premium atau 'buah mewah', bahkan menjadi simbol status dalam kalangan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

pengguna, dengan harga yang tinggi serta permintaan yang semakin meningkat. Fenomena ini menunjukkan bahawa durian bukan lagi sekadar hasil pertanian, tetapi telah menjadi komoditi bernilai tinggi yang berpotensi besar untuk diposisikan sebagai jenama premium Johor di peringkat global.

Justeru, usaha bagi memperkasa industri durian ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada peningkatan pengeluaran dan kualiti, malah turut melibatkan aspek penjenamaan serta pengiktirafan asal usul produk bagi memastikan durian Johor dikenali di pasaran global.

Kerajaan Negeri Johor komited memastikan durian keluaran Negeri Johor dipasarkan dan diiktiraf secara jelas sebagai “Durian Johor” di pasaran antarabangsa, khususnya di China, melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan agensi kerajaan dan pengeksport swasta sebagai rakan strategik utama.

Sebagai usaha memperkukuh lagi rantai nilai ini, Kerajaan Negeri bersama FAMA telah membangunkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pengedaran Durian (CPPDC) di Tangkak, Johor, dan fasiliti ini telah siap sepenuhnya. Pengoperasian CPPDC Tangkak ini sedang dalam peringkat permulaan dan dijangka beroperasi sepenuhnya tertakluk kepada kelulusan sijil GACC diperolehi. Apabila beroperasi kelak, fasiliti ini akan berfungsi sebagai pusat sehenti bagi aktiviti pengumpulan, penggredan, pemprosesan, pembungkusan dan pelabelan durian, sekali gus memastikan standard kualiti serta pengesahan asal “Durian Johor” dapat dilaksanakan secara lebih tersusun sebelum dieksport ke pasaran antarabangsa.

Bagi aspek penjenamaan dan pengesahan asal produk (traceability), FAMA menggalakkan penggunaan pelabelan khusus seperti “Durian Johor” dalam pembungkusan, dokumentasi eksport serta platform pemasaran. Dalam hal ini, pengeksport memainkan peranan penting untuk memastikan identiti asal produk dikekalkan hingga ke peringkat pengguna akhir, sekali gus mengelakkan durian Johor dipasarkan menggunakan nama negeri lain.

Dari segi pengukuhan pasaran eksport, FAMA memudahcara kerjasama dengan pengeksport swasta untuk memperluas akses pasaran melalui platform e-dagang dan rangkaian pengedaran antarabangsa, termasuk di China. Pendekatan ini membolehkan durian Johor dipasarkan secara lebih terus kepada pengguna, sekali gus meningkatkan keterlihatan dan pengiktirafan jenama di pasaran global.

FAMA turut mempergiat promosi di peringkat antarabangsa dan serantau, termasuk penyertaan dalam program promosi seperti Malaysia Fest di Singapura. Penyertaan ini memberi peluang kepada pengeksport memasarkan durian Johor secara langsung kepada pengguna antarabangsa, di samping memperkukuh kedudukan Johor sebagai pengeluar durian premium.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Kerajaan Negeri menyarankan kepada pengeksport untuk mematuhi piawaian kualiti, pensijilan serta keperluan eksport yang ditetapkan oleh negara pengimport bagi menjamin reputasi dan daya saing. Pematuhan ini penting untuk memastikan kualiti dan ketulenan “Durian Johor” sentiasa terpelihara dan diyakini oleh pasaran antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri bersama FAMA tidak hanya memberi tumpuan kepada peningkatan jumlah eksport semata-mata, tetapi memastikan setiap durian yang berasal dari Johor membawa identiti negeri ini secara jelas di pasaran global. Usaha ini penting bagi melindungi kepentingan pekebun tempatan, memperkukuh nilai premium Durian Johor, serta memastikan hasil negeri ini tidak lagi ‘menumpang nama’ pihak lain dalam rangkaian perdagangan antarabangsa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 23 (A3)

Apakah sasaran pingat kontinjen Johor bagi SUKMA 2026?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor menetapkan sasaran untuk berada di kedudukan kelompok 5 terbaik secara keseluruhan di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Selangor 2026 dengan matlamat mengutip sekurang-kurangnya 40 pingat emas, disokong oleh prestasi konsisten dalam semua acara utama.

Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri (MSNJ) telah melaksanakan pelbagai persediaan awal bagi memastikan kontinjen Johor mencapai prestasi terbaik dalam SUKMA XXII, Selangor 2026. Antara langkah utama yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

1. Program Latihan dan Pemilihan Atlet

Setiap pasukan diarahkan untuk menyediakan pelan latihan serta perancangan tahunan pasukan yang dirangka secara bersama dengan jurulatih negeri yang dilantik. Pelaksanaan program ini distrukturkan kepada lima fasa utama, iaitu empat bulan bagi setiap fasa.

Bagi penyertaan ke SUKMA XXII, Selangor 2026, senarai awal atlet telah dikenal pasti dan proses pendaftaran "longlist" telah dilaksanakan pada Mac 2026 yang lepas. Di samping itu, ujian prestasi dilaksanakan secara berterusan meliputi aspek kecergasan, teknikal dan taktikal bagi memastikan keberkesanan program latihan sentiasa berada pada tahap optimum.

2. Sokongan Sains Sukan dan Pemulihan

Dalam memastikan kesiapsiagaan atlet berada pada tahap terbaik, mereka turut dibantu oleh pasukan sains sukan MSNJ yang memberi penekanan kepada keseimbangan fizikal dan mental. Program pemulihan serta pencegahan kecederaan dilaksanakan secara sistematik dan berjadual bagi mengurangkan risiko kecederaan menjelang temasya.

Pendekatan berasaskan sains ini membolehkan intervensi awal dilaksanakan secara lebih efektif sekiranya terdapat petunjuk penurunan prestasi atau risiko kecederaan yang berpotensi menjadi lebih serius.

3. Penilaian Prestasi dan Laporan Berfasa

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Selain itu, setiap persatuan sukan diwajibkan mengemukakan laporan prestasi secara berkala kepada MSNJ bagi setiap tempoh empat bulan. Laporan tersebut merangkumi pencapaian kejohanan semasa, keputusan ujian prestasi serta status kecederaan atlet.

Melalui mekanisme ini, MSNJ berupaya memantau serta menilai tahap prestasi atlet secara menyeluruh dan berterusan, seterusnya memastikan tiada penurunan prestasi yang ketara sepanjang tempoh persiapan ke temasya SUKMA XXII, Selangor 2026.

Melalui laporan prestasi terkini yang telah diadakan pada bulan Disember 2025 (Fasa 3) yang lepas, sebanyak 68 pingat Emas telah dikenalpasti sebagai sasaran awal pingat Emas berdasarkan prestasi atlet sepanjang tahun 2025. Walau bagaimanapun, angka ini masih merupakan sasaran awal yang bersifat dinamik dan masih di peringkat unjuran awal (preliminary target) serta belum dimuktamadkan.

Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang berhati-hati dengan memastikan setiap unjuran disokong oleh data prestasi terkini, tahap kesiapsiagaan atlet serta analisis kekuatan pencabar dari negeri-negeri lain dan sasaran ini akan diperhalusi secara berterusan sebelum ia dimuktamadkan menjelang temasya SUKMA Selangor XXII 2026. Pihak MSNJ akan menetapkan sasaran akhir bagi Kontinjen SUKMA Johor 2026 adalah pada bulan Jun 2026 yang mana penilaian terakhir tersebut akan dibincangkan bersama-sama Persatuan Sukan Negeri Johor bagi di muktamadkan sasaran setiap pasukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**SOALAN 24 (A174)**

Dimaklumi bahawa peruntukan untuk pembinaan Surau Taman Bukit Mutiara telah diluluskan dan pembinaan akan dimulakan. Apakah status terkini pembinaan surau tersebut? Bilakah jangkakan projek pembinaan surau ini akan dimulakan dan jangkakan ia disiapkan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Maju Johor sangat komited terhadap keperluan pembinaan masjid dan surau baru sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ini kerana masjid dan surau merupakan pusat ibadah, perpaduan kebajikan bahkan sebagai syiar Islam unggul di bumi Johor Darul Ta'zim. Untuk makluman, jumlah masjid dan surau dalam negeri Johor adalah sebanyak 2,747 dimana 846 adalah masjid yang terdiri daripada [masjid kerajaan (28 buah), masjid institusi (33 buah) dan masjid kariah (785 buah)] dan 1,901 adalah surau yang terdiri daripada 1,817 surau kariah dan 84 surau institusi.

Sehubungan itu, pelbagai jenis peruntukan pembangunan masjid dan surau telah disalurkan bagi tujuan kemudahan umat Islam dalam negeri Johor. Berdasarkan rekod, sebanyak RM132,446,912.28 (1,845 projek) telah disalurkan kepada masjid dan surau di negeri Johor dari tahun 2022 - April 2026 untuk tujuan pembinaan baru, penyelenggaraan dan naik taraf. Semua peruntukan ini hasil dari pelbagai agensi sama ada di peringkat persekutuan, negeri, kerajaan mahupun swasta. Jumlah ini melambangkan pemuafakatan semua pihak dalam memastikan syiar Islam di bumi Johor terus berkembang dan terpelihara.

Bagi Surau Taman Bukit Mutiara, Batu Pahat, perancangan pembinaan sudah berada dalam makluman Jabatan Agama Islam Negeri Johor untuk digerakkan mengikut prosedur yang sedia ada. Untuk makluman, pembinaan surau ini telah dibangkitkan oleh Encik Zaidi bin Jaafar yang merupakan ketua WHIP Majlis Perbandaran Batu Pahat. Permohonan ini seterusnya dibawa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan semasa lawatan rasmi beliau ke daerah Batu Pahat pada 6 Julai 2024. Selaras dengan Garis Panduan Permohonan Berkaitan Masjid Dan Surau Negeri Johor 2023 (Peruntukan, Kebenaran Pungutan Khairat, Fatwa dan Pendaftaran), kebenaran pembinaan bangunan baru surau di atas PTD 64094 telah diperolehi dari Majlis Agama Islam Negeri Johor pada 13 Oktober 2024 dan pada 14 Oktober 2024, saya telah mengadakan lawatan tapak bersama Pejabat Kadi Batu Pahat. Selaras dengan kebenaran pembinaan surau yang diperolehi, pelbagai gerak kerja dijalankan termasuk pencarian dana dan sokongan pelbagai pihak oleh jawatankuasa Interim (Penaja).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Perkara ini turut dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN Daerah Batu Pahat pada 16 Mac 2026 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor. Berkat usaha murni tersebut, kerajaan Maju Johor bersetuju Terkini, Kebenaran Memungut Khairat telah diperolehi dari Majlis Agama Islam Negeri Johor berkuatkuasa 01 Februari 2026 - 31 Januari 2028 untuk jumlah sasaran kutipan sebanyak RM700,000.00. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri melalui Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Negeri Johor (YAB Menteri Besar selaku pengerusi tabung) bersedia menyalurkan peruntukan sebanyak RM350,000.00 sebelum diangkat ke persekutuan untuk baki kelulusan peruntukan. Gerak kerja ini adalah selaras dengan Garis Panduan Permohonan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Projek Bina Baharu, Naik Taraf Serta Baik Pulih Masjid Dan Surau Di Seluruh Negara Bil 1/2024.

Jika segala proses kerja berjalan sebagaimana dirancang dan peruntukan pembinaan baru surau lulus di peringkat persekutuan, maka lantikan perunding akan dibuat seterusnya untuk mendapatkan kelulusan fatwa dan kebenaran merancang dari agensi berkaitan. Selanjutnya penyediaan lukisan teknikal kejuruteraan bagi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk penyediaan anggaran kos pembinaan untuk tender projek. Selepas perolehan berjaya dijalankan, jangkaan pembinaan surau akan berlansung dalam tempoh 12 bulan.

Sesungguhnya kerajaan Maju Johor sangat merasai denyut nadi umat Islam setempat di Taman Bukit Mutiara Batu Pahat Johor yang menginginkan sebuah surau yang baru dan selesa untuk tujuan pengimarahannya dan dakwah komuniti. Kerajaan juga beriltizam untuk memasti setiap masjid dan surau dalam negeri berada dalam keadaan baik dan sempurna. Sekaligus menjadi bukti pemeliharaan agama Islam dan negeri Johor melalui institusi masjid dan surau selaras dengan kehendak Seksyen 99 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 25 (A182)

Apakah perkembangan terkini pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura (JS-SEZ), dan apakah manfaat awal yang telah mula dinikmati oleh rakyat Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pencapaian awal pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura tentunya dapat dilihat dari sudut prestasi ekonomi, khususnya dari segi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negeri. Namun pada masa yang sama, kita juga melihat perkembangan-perkembangan yang lebih bersifat struktur dan fundamental, termasuk pentadbiran yang lebih cekap, penyelarasan antara agensi yang lebih tersusun, serta pembangunan infrastruktur strategik seperti Sistem Rapid Transit System (RTS) yang dijangka mula beroperasi pada 1 Januari 2027. Perkembangan ini bukan sekadar kemajuan fizikal semata-mata, tetapi mencerminkan bahawa Johor sedang membina sebuah ekosistem ekonomi moden yang berdaya saing, tersusun dan mampan, selaras dengan aspirasi JS-SEZ sebagai pemangkin pertumbuhan baharu di rantau ini.

Umum kita maklum bahawa Johor telah mencatatkan pencapaian luar biasa pada tahun 2025, dengan jumlah pelaburan diluluskan di bawah seliaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mencecah RM110 bilion, menjadikan Johor negeri dengan prestasi pelaburan tertinggi di Malaysia. Daripada jumlah ini, sektor pembuatan menyumbang RM24.6 bilion dan sektor perkhidmatan RM85.5 bilion, dengan pelaburan domestik (DDI) bernilai RM49.5 bilion dan pelaburan asing (FDI) mencapai RM60.5 bilion.

Dari segi pertumbuhan ekonomi pula, Johor dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada purata nasional secara konsisten, didorong oleh kemasukan pelaburan berkualiti tinggi serta pembangunan infrastruktur strategik. Sebagai contoh: Pada tahun 2024, Malaysia berkembang 5.1%, manakala Johor mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi iaitu 6.4%. Pada tahun 2025, Malaysia berkembang sekitar 5.2%, dan bagi tahun 2026, Malaysia dijangka berkembang antara 4.0% hingga 5.0%¹, manakala Johor dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi, sekitar 6.0% hingga 6.5% bagi 2025 dan 2026. Pertumbuhan ini bukan bersifat sementara, tetapi bersifat struktur dan berterusan, kerana ia disokong oleh sistem pentadbiran yang lebih responsif, koordinasi antara agensi yang lebih berkesan serta pendekatan whole-of-government dalam memudahcara pelaburan.

¹ <https://www.bnm.gov.my/publications/emr2025/ch2>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Selain pencapaian dari sudut pelaburan dan ekonomi, satu perkembangan struktur yang amat penting ialah penambahbaikan sistem pentadbiran dan pemudahcaraan pelaburan melalui penubuhan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J). Pusat ini berfungsi sebagai one-stop facilitation centre yang menghimpunkan pelbagai agensi utama seperti MIDA, Invest Johor, pihak berkuasa tempatan serta jabatan teknikal di bawah satu bumbung.

Pendekatan ini telah membawa perubahan yang ketara, banyak urusan pelaburan yang sebelum ini mengambil masa berbulan-bulan kini dapat diselaraskan dengan lebih cepat, telus dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa kejayaan JS-SEZ bukan hanya bergantung kepada jumlah pelaburan semata-mata, tetapi kepada kecekapan pentadbiran, kepastian proses serta kejelasan tadbir urus yang memberikan keyakinan tinggi kepada pelabur.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memberi perhatian serius kepada aspek pembangunan bakat melalui penubuhan Johor Talent Development Council (JTDC). Majlis ini berperanan menyelaras kerjasama antara institusi pendidikan, industri dan agensi kerajaan bagi memastikan tenaga kerja tempatan mempunyai kemahiran yang selari dengan keperluan industri masa hadapan seperti semikonduktor, pusat data, tenaga hijau dan automasi industri. Pendekatan ini amat penting kerana kejayaan JS-SEZ bukan sekadar menarik pelaburan, tetapi memastikan bahawa rakyat Johor sendiri menjadi penerima manfaat utama, melalui peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta peningkatan mobiliti sosial jangka panjang.

Dalam konteks JS-SEZ, kita sebenarnya masih berada di peringkat awal pelaksanaan, namun momentum yang ditunjukkan amat memberangsangkan. Sebagai contoh, lawatan rasmi YAB Menteri Besar Johor ke Shanghai pada bulan April yang lalu telah mendapat sambutan luar biasa daripada komuniti pelabur antarabangsa, sekali gus membuktikan bahawa Johor kini dilihat sebagai destinasi pelaburan yang semakin strategik di rantau Asia.

Pada masa yang sama, Kementerian Ekonomi sedang memuktamadkan JS-SEZ Masterplan, yang akan diumumkan secara rasmi dalam masa terdekat. Masterplan ini berpaksikan visi untuk meletakkan JS-SEZ sebagai pintu masuk utama pelaburan dan perniagaan ke rantau ASEAN, dengan fokus kepada 11 sektor keutamaan, termasuk: pembuatan maju, ekonomi digital, tenaga bersih, logistik, penjagaan kesihatan, ekonomi hijau dan pelancongan.

JS-SEZ bukan sekadar sebuah projek ekonomi jangka panjang, tetapi merupakan transformasi struktur yang sedang berlaku di Johor. Kita bukan sahaja menarik pelaburan, tetapi juga membina sistem pentadbiran yang lebih cekap, infrastruktur yang lebih moden, serta peluang ekonomi yang lebih luas untuk rakyat. Kerajaan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Negeri akan terus memastikan bahawa setiap pelaburan yang masuk ke Johor diterjemahkan kepada manfaat sebenar kepada rakyat, sama ada dalam bentuk peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, pembangunan PKS tempatan mahupun kesejahteraan sosial yang lebih menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 26 (A57)

Apakah mekanisme penyelarasan data antara agensi/jabatan seperti JKM, MAINJ, pejabat daerah dan jabatan lain berkaitan bagi memastikan inisiatif Bantuan Kasih Johor tidak mengenyepikan golongan miskin bandar dan miskin tegar yang tidak mempunyai akses kepada pendaftaran digital atau terlepas daripada senarai e-kasih.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Bantuan Kasih Johor (BKJ) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Johor di bawah agenda Maju Johor yang bertujuan memperkukuh jaringan keselamatan sosial, khususnya kepada golongan B40, warga emas, orang kurang upaya (OKU), pelajar serta mereka yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Pelaksanaan BKJ bagi Fasa 1 hingga Fasa 3 melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sebagai agensi pelaksana utama dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM24.62 juta. Pemilihan penerima adalah secara bersasar, iaitu terdiri daripada penerima bantuan bulanan sedia ada jabatan, pelatih Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta institusi berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Secara asasnya, penerima adalah dalam kategori miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan.

Bagi memastikan pelaksanaan BKJ tidak mengenyepikan golongan miskin bandar dan miskin tegar yang tidak mempunyai akses kepada pendaftaran digital atau tidak tersenarai dalam sistem eKasih, kerajaan negeri telah melaksanakan mekanisme penyelarasan data secara menyeluruh dan bersepadu melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pejabat Daerah serta agensi pemberi bantuan lain.

Penyelarasan ini dilaksanakan melalui beberapa pendekatan utama, iaitu:

- Semakan silang data antara agensi di bawah penyeliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan;
- Pelaksanaan lawatan lapangan bagi mengenal pasti kes tercicir;
- Pengemaskinian pangkalan data secara berkala;
- Pelaksanaan audit berkala dan kempen kesedaran komuniti; serta
- Integrasi sistem digital dan kaedah manual bagi memastikan liputan yang lebih inklusif.

Selain itu, Sistem eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan berfungsi sebagai pangkalan data bersepadu isi rumah miskin di peringkat nasional. Sistem ini membolehkan semua agensi mengakses maklumat yang sama bagi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

mengelakkan pertindihan dan ketirisan bantuan, di samping memastikan penyaluran bantuan lebih tepat dan bersasar.

Bagi memastikan tiada golongan tercicir, orang awam, pemimpin tempatan atau komuniti boleh menyalurkan maklumat berkaitan isi rumah miskin melalui Pejabat Daerah atau Pejabat Pembangunan Negeri. Setiap permohonan akan melalui proses tapisan berdasarkan PGK sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Focus Group Daerah (FGD) untuk pengesahan.

Di samping itu, proses pemutihan data eKasih turut dilaksanakan secara berterusan oleh ICU JPM dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk JKM, MAINJ dan PERKESO dan banyak lagi jabatan. Proses ini melibatkan semakan semula status pendapatan, pengemaskinian maklumat serta pengkategorian semula isi rumah bagi memastikan data sentiasa tepat, terkini dan berintegriti.

Keseluruhannya, mekanisme penyelarasan ini memastikan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor lebih inklusif, telus dan berkesan, serta mampu mengurangkan risiko keciciran dalam kalangan golongan miskin bandar dan miskin tegar di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 27 (A41)

Adakah kerajaan berhasrat mewujudkan pusat sokongan kesihatan mental bagi menangani tekanan hidup dan cabaran pasca-pandemik/ekonomi semasa krisis tenaga peringkat global sekarang?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kesihatan Mental merupakan perkara penting dalam kehidupan setiap individu. Sepanjang tempoh 5 tahun lepas, terdapat peningkatan bebas masalah kesihatan mental di Malaysia. Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health Morbidity Survey) pada tahun 2023 mendapati 1 juta (4.6%) rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas dilaporkan mengalami kemurungan (depression) iaitu peningkatan sebanyak dua kali ganda berbanding dengan kajian yang sama pada tahun 2019 dengan prevalens 2.3%.

Cadangan mewujudkan Hab Sihat atau Pusat Sokongan Kesihatan Mental bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah kesihatan khususnya kesihatan mental merupakan satu cadangan dan pandangan yang sangat baik. Dari perspektif perawatan kesihatan mental juga turut bersetuju bahawa peranan dan sokongan keluarga serta komuniti adalah sangat penting dalam memastikan pesakit mental masih boleh berfungsi dengan baik di komuniti.

Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Johor, semua Klinik Kesihatan telah menjalankan perkhidmatan perawatan kesihatan mental. Selain itu, lantikan Pegawai Kaunselor Psikologi di klinik kesihatan turut membantu dalam perawatan kesihatan mental. Pengwujudan Klinik Mentari seperti yang berada di UTC Johor Bahru turut sebenarnya boleh berfungsi sebagai Hab Sihat bagi komuniti dengan kesihatan mental yang menyediakan pelbagai aktiviti serta kepakaran pengurusan klien. Malahan dalam usaha bagi memastikan tahap kesihatan mental berada di tahap baik, pelbagai aktiviti saringan, intervensi serta advokasi telah dijalankan di komuniti dan klinik kesihatan.

Walaubagaimanapun, cadangan usaha mewujudkan Hab Sihat atau Pusat Sokongan Kesihatan Mental bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah kesihatan khususnya kesihatan mental akan tetap dipertimbangkan mengikut keperluan situasi dan kebolehlaksana pada masa akan datang.

Peranan perkhidmatan Wellness Hub di Johor kini telah berkembang melangkaui kesihatan fizikal, bertindak sebagai jaringan keselamatan sosial dan mental yang kritikal. Dalam mendepani tekanan kos sara hidup dan ketidaktentuan ekonomi global,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

kini Wellness Hub berfungsi sebagai Pusat Sokongan Kesihatan Mental Komuniti melalui pendekatan berikut:

1. Dekriminalisasi dan Normalisasi Sokongan Mental

Tekanan ekonomi sering membawa kepada isolasi sosial. Wellness Hub menyediakan ruang yang "mesra" dan tidak stigmatik:

* Khidmat Nasihat Awal (Psychological First Aid): Individu yang terkesan dengan kehilangan pekerjaan atau krisis kewangan boleh mendapatkan sokongan emosi awal tanpa perlu melalui prosedur hospital yang tegar.

* Saringan Minda Sihat: Melalui ujian DASS (Depression, Anxiety, and Stress Scale), kakitangan Wellness Hub dapat mengesan tanda-tanda awal kemurungan akibat tekanan hidup sebelum ia melarat menjadi kronik.

2. Intervensi Gaya Hidup sebagai Penampan Stres

Kajian menunjukkan aktiviti fizikal adalah ubat semula jadi bagi tekanan mental. Wellness Hub mengintegrasikan kedua-duanya:

* Pengurusan Tekanan Melalui Aktiviti: Program seperti senaman ringan, teknik pernafasan, dan terapi relaksasi disediakan secara percuma untuk membantu rakyat menguruskan hormon kortisol (hormon stres) yang tinggi akibat bebanan kerja atau krisis tenaga global.

* Terapi Kelompok: Menyediakan platform untuk komuniti berkumpul, berkongsi pengalaman, dan membina daya tahan (resilience) bersama, sekaligus mengurangkan rasa terasing dalam mendepani cabaran ekonomi.

3. Pemerkasaan Literasi Kewangan dan Kesejahteraan

Krisis tenaga global dan inflasi memerlukan perubahan gaya hidup. Wellness Hub membantu dari sudut psikologi tingkah laku:

* Bengkel Pengurusan Kendiri: Mengajar teknik "Mindful Living" — bagaimana menguruskan perbelanjaan dan penggunaan tenaga dengan tenang tanpa mencetuskan panik atau keresahan melampau.

* Pendidikan Pemakanan Bajet Rendah: Membantu keluarga merancang pemakanan sihat tetapi kos rendah, yang secara tidak langsung mengurangkan tekanan mental berkaitan keselamatan makanan (food security).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

4. Integrasi dengan Sistem Kesihatan Mental Negeri

Wellness Hub bertindak sebagai pintu masuk (gatekeeper) utama bagi kesihatan mental di Johor:

* Rujukan Strategik: Jika kes dikesan serius, Wellness Hub mempunyai laluan pantas (fast-track) untuk merujuk individu tersebut ke pakar psikiatri di Hospital Sultanah Aminah (HSA) atau Hospital Sultan Ismail (HSI).

Selain daripada itu, aplikasi MySejahtera telah berevolusi daripada alat pemantauan pandemik kepada sebuah platform kesihatan digital yang komprehensif, terutamanya melalui modul Minda Sihat. Masyarakat boleh memanfaatkan aplikasi ini sebagai langkah awal yang diskret, pantas, dan mudah dicapai untuk menjaga kesejahteraan mental.

Berikut adalah cara praktikal bagaimana masyarakat Johor dan Malaysia amnya boleh menggunakan MySejahtera:

1. Melakukan Saringan Kendiri secara Berkala

Masyarakat tidak perlu menunggu sehingga krisis berlaku untuk memeriksa tahap kesihatan mental mereka.

* Ujian DASS (Depression, Anxiety and Stress Scale): Di dalam modul Minda Sihat, pengguna boleh menjawab soalan saringan untuk mengetahui tahap stres, kegelisahan, dan kemurungan mereka.

* Saringan Kesihatan Minda (PHQ-9 & GAD-7): Instrumen yang diiktiraf secara klinikal ini membantu pengguna mengenal pasti simptom awal masalah mental dengan lebih objektif melalui peranti peribadi.

2. Akses kepada Sumber Pendidikan dan Literasi

Aplikasi ini menyediakan pustaka maklumat yang boleh membantu individu memahami apa yang mereka alami:

* Tips Penjagaan Kendiri: Terdapat pelbagai bahan bacaan mengenai teknik relaksasi, cara menangani tekanan di tempat kerja, dan penjagaan tidur yang berkualiti.

* Video Intervensi: Akses kepada video panduan pernafasan atau senaman ringan yang boleh membantu mengurangkan serangan panik atau keresahan (anxiety) secara serta-merta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

3. Pencarian Fasiliti dan Bantuan Profesional

Salah satu cabaran terbesar adalah tidak tahu ke mana harus dituju. MySejahtera mempermudah pencarian ini:

* Direktori Perkhidmatan: Pengguna boleh mencari lokasi Klinik Kesihatan terdekat atau Wellness Hub yang menyediakan perkhidmatan kaunseling.

* Talian Bantuan (Hotlines): Aplikasi ini menyediakan pautan terus kepada talian bantuan seperti HEAL 15555 (talian bantuan krisis kesihatan mental KKM) yang beroperasi 24 jam.

4. Janjijiwaku: Tempahan Slot Temujanji

Bagi mereka yang memerlukan sesi bersemuka atau kaunseling profesional:

* Masyarakat boleh menggunakan fungsi janjitemu dalam aplikasi untuk memilih slot di fasiliti kesihatan kerajaan. Ini mengurangkan rasa segan atau "stigma" kerana proses tempahan dilakukan secara digital tanpa perlu menunggu lama di kaunter pendaftaran.

Dengan MySejahtera, "klinik kesihatan mental" kini berada di dalam poket setiap rakyat. Ia meruntuhkan tembok stigma dan memberikan kuasa kepada individu untuk mengambil langkah pertama ke arah pemulihan dengan lebih berani dan bermaklumat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 28 (A66)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menambah baik kemudahan sukan dan rekreasi di daerah Muar, khususnya pembinaan kolam renang awam bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Pihak Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) mengambil maklum atas cadangan yang dikemukakan berkaitan perancangan kerja bagi menambah baik kemudahan sukan dan rekreasi di daerah Muar, khususnya pembinaan kolam renang awam bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat.

Pihak MSNJ amat menghargai keprihatinan serta usaha dalam memperkasakan pembangunan sukan dan rekreasi di negeri ini. Cadangan tersebut adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan akses kepada kemudahan sukan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, untuk makluman pihak YB Tuan, pelaksanaan projek pembangunan kemudahan awam seperti kolam renang di daerah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu Majlis Perbandaran Muar (MPM).

Sehubungan itu, pihak MSNJ akan menyalurkan cadangan ini kepada pihak MPM untuk pertimbangan lanjut, termasuk dari aspek perancangan, peruntukan dan pelaksanaan. Pihak MSNJ akan terus memberi sokongan dan kerjasama kepada agensi berkaitan dalam usaha memperkukuh pembangunan sukan serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 29 (A29)

Berapakah jumlah statistik pengangguran dalam kalangan belia, khususnya lepasan universiti dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani isu ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) sentiasa memantau secara rapi situasi pengangguran dalam kalangan belia, khususnya lepasan universiti, melalui penggunaan sistem data bersepadu seperti MyFutureJobs dan pangkalan data JTDC. **Berdasarkan data terkini, terdapat 17,436 pencari kerja berdaftar, yang merangkumi golongan belia dan graduan yang aktif mencari pekerjaan di negeri Johor.** Angka ini menunjukkan bahawa walaupun peluang pekerjaan semakin berkembang seiring kemasukan pelaburan baharu, masih wujud cabaran dari sudut penyerapan tenaga kerja tempatan ke dalam pasaran pekerjaan secara optimum.

Walau bagaimanapun, hasil intervensi proaktif kerajaan negeri melalui JTDC menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan. **Daripada jumlah pencari kerja tersebut, 5,889 individu telah berjaya dipadankan dengan peluang pekerjaan, manakala 2,015 telah ditempatkan secara langsung dalam pekerjaan melalui pelaksanaan program padanan kerja secara sistematik dan berfokus.** Ini membuktikan bahawa pendekatan yang dilaksanakan bukan sahaja berasaskan perancangan, tetapi turut memberi impak nyata dalam membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan, sekali gus mengurangkan kadar pengangguran secara berperingkat.

Kerajaan Negeri mengenal pasti bahawa antara **faktor utama yang menyumbang kepada isu pengangguran belia ialah ketidakpadanan kemahiran (skills mismatch) antara graduan dan keperluan sebenar industri.** Ramai graduan mempunyai kelayakan akademik, namun tidak memenuhi keperluan kemahiran teknikal dan praktikal yang dikehendaki oleh majikan, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi. Sehubungan itu, **pendekatan strategik “Train → Match → Place”** telah diperkenalkan bagi memastikan proses pembangunan bakat dilaksanakan secara menyeluruh dan berfokus. Pendekatan ini menekankan latihan terlebih dahulu, diikuti padanan pekerjaan yang tepat, sebelum penempatan dilakukan secara efektif.

Bagi menyokong pendekatan ini, pelbagai program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) telah dilaksanakan secara agresif. **Program seperti Skills4Johor, PRO-MAHIR serta inisiatif latihan berasaskan industri**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

termasuk **Data Centre Foundation Certificate (DCFC)** memberi peluang kepada graduan dan belia untuk memperoleh kemahiran baharu yang selari dengan kehendak industri semasa. Di samping itu, kerjasama strategik dengan institusi TVET, universiti dan pemain industri turut memperkukuh penyampaian latihan yang lebih relevan dan praktikal.

Selain itu, kerajaan negeri turut memperkukuh mekanisme padanan pekerjaan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai pusat sehenti bagi menghubungkan pencari kerja dengan majikan. Sistem ini bukan sahaja memadankan profil calon dengan keperluan majikan, malah turut melibatkan pemantauan berterusan terhadap status permohonan, sesi temuduga dan penempatan kerja bagi memastikan keberkesanan keseluruhan proses. Pendekatan berasaskan data ini membolehkan keputusan dibuat secara lebih tepat dan responsif terhadap perubahan pasaran kerja.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor menunjukkan pendekatan yang komprehensif, proaktif dan berasaskan data dalam menangani isu pengangguran belia. Melalui gabungan strategi latihan kemahiran, padanan pekerjaan, kerjasama industri serta pemantauan berterusan, kerajaan bukan sahaja berupaya mengurangkan kadar pengangguran, malah berjaya meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan berkualiti tinggi, seterusnya memastikan generasi muda Johor lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 30 (A91)

Adakah kerajaan negeri merancang untuk membantu mengatasi masalah pembuangan sampah bagi kawasan diluar kawasan bercukai?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri Johor ingin menegaskan dengan penuh keyakinan bahawa isu pengurusan sisa pepejal, termasuk di kawasan luar bercukai, bukanlah satu perkara yang dipandang ringan. Malah, ia menjadi antara keutamaan penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras dengan agenda Johor Bersih yang telah digerakkan secara menyeluruh di seluruh negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pendekatan yang lebih strategik, progresif dan bersasar melalui peluasan kawasan bercukai secara berfasa. Peluasan ini bukan dibuat secara semberono, tetapi mengambil kira kesiapsiagaan infrastruktur, keupayaan sistem kutipan serta kedudukan geografi sesuatu kawasan—terutamanya kampung-kampung yang berada berhampiran sempadan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Matlamatnya jelas—tiada kawasan yang tercicir daripada menerima perkhidmatan asas kebersihan yang sewajarnya.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri terus memperkukuh kerjasama erat bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) selaras dengan peruntukan di bawah Akta 672. Pendekatan ini bukan sahaja melibatkan aspek penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram, tetapi turut merangkumi penerokaan model kutipan fleksibel yang lebih praktikal dan kos efektif bagi kawasan luar bercukai. Ini adalah bukti bahawa kerajaan tidak sekadar bergantung kepada kaedah konvensional, sebaliknya berani berinovasi demi mencari penyelesaian terbaik.

Selain itu, pendekatan pengurusan sisa bersepadu terus diperkasakan melalui integrasi yang lebih menyeluruh antara PBT, SWCorp dan komuniti setempat. Kita tidak boleh lagi bergerak secara silo. Penyediaan kemudahan seperti tong Roll-On Roll-Off (RORO), pelaksanaan jadual kutipan berkala yang lebih sistematik serta penyelarasan operasi di lapangan menjadi antara langkah konkrit yang sedang dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan.

Yang lebih penting, Kerajaan Negeri meletakkan kepercayaan tinggi kepada peranan komuniti. Melalui penglibatan aktif Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Ketua Kampung, pelbagai program kesedaran dan aktiviti komuniti dilaksanakan secara berjadual. Kita mahu membina satu budaya baharu—

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

budaya bertanggungjawab terhadap kebersihan, di mana rakyat bukan sekadar pengguna perkhidmatan, tetapi menjadi rakan strategik kepada kerajaan.

Sebagai contoh pelaksanaan di lapangan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menggerakkan inisiatif ini di beberapa kampung tidak bercukai seperti Kampung Melayu Lima Kedai, Kampung Sungai Melayu, Kampung Pendas Baru serta Kampung Orang Asli Simpang Arang. Di daerah Mersing pula, perkhidmatan kutipan sampah berjadual bersama penyediaan tong individu telah dilaksanakan di Kampung Air Merah dan Kampung Tenglu Laut, sekali gus memberi impak langsung kepada kesejahteraan penduduk setempat.

Bagi kawasan Pontian, Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) turut menunjukkan komitmen yang tinggi melalui pendekatan lebih berfokus, termasuk peluasan kawasan bercukai secara berperingkat serta pelaksanaan mesyuarat penyelarasan berkaitan isu pembuangan sampah haram bersama ketua kampung dan agensi teknikal. Pada masa yang sama, khidmat nasihat daripada SWCorp terus dimanfaatkan bagi merangka penyelesaian yang lebih mampan dan bersesuaian dengan keperluan setempat.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor tidak hanya merancang tetapi sedang bertindak secara tersusun, bersepadu dan berimpak dalam menangani isu pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bercukai. Dengan gabungan kekuatan antara agensi, PBT dan komuniti, kita yakin usaha ini bukan sahaja mampu meningkatkan kecekapan sistem kutipan sisa, malah akan membentuk sebuah masyarakat yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan berjiwa bersih.

Inilah komitmen kita membina Johor yang bukan sahaja maju, tetapi juga bersih, sihat dan lestari untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 31 (A49)

Apakah kadar penggunaan katil, nisbah doktor-pesakit, dan jumlah ambulans yang beroperasi di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar setakat terkini? Apakah langkah segera dan pelan jangka sederhana untuk menambah kapasiti katil, aset ambulans serta pengambilan doktor pakar dan tenaga kesihatan?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kadar penggunaan katil Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar adalah sebanyak 67.41 peratus bagi tahun 2025.

Jumlah ambulans adalah sebanyak 7 buah bagi memberikan respon kepada kes-kes kecemasan dan juga penghantaran pesakit dari hospital ke fasiliti kesihatan lain.

Jumlah Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan adalah seramai 296 orang dan jumlah pesakit pada tahun 2025 adalah seramai 36,787. Ini menjadikan nisbah doktor kepada pesakit adalah 1:124. Bermakna, 1 doktor merawat 124 orang pesakit di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar.

Langkah segera yang telah dilaksanakan adalah meningkatkan bilangan katil dari 560 kepada 575 buah katil. Pertambahan katil ini dibuat bagi menampung pertambahan bilangan pesakit yang seiring dengan perkembangan perkhidmatan kepakaran di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Pada tahun ini juga, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar telah menerima seorang Pakar Perubatan Onkologi dan seorang Pakar Perubatan Rehabilitasi yang akan mengembangkan lagi capaian perkhidmatan kepakaran kepada penduduk daerah Muar, khususnya. Bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kesihatan, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar telah mengambil beberapa langkah proaktif seperti menubuhkan Hospital Kluster Johor Utara, yang menggabungkan hospital ini bersama Hospital Tangkak dan Hospital Segamat.

Melalui Hospital Kluster Johor Utara, tiga hospital ini akan menggunakan sumber secara bersama dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit. Ini termasuk penyediaan perkhidmatan kepakaran dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar ke dua buah hospital daerah tersebut. Selain itu, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar juga, secara aktif, memanjangkan permohonan pertambahan anggota kesihatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 32 (A68)

Bolehkah kerajaan negeri menyatakan jumlah penggunaan tenaga elektrik dan air bulanan di negeri Johor bagi tempoh terkini, serta pecahan mengikut sektor seperti domestik, industri dan komersial?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat data penggunaan air bulanan pada tahun 2025 (Januari sehingga Disember), rekod penggunaan air bagi pengguna di seluruh negeri ini ialah 561,711,893 meter padu (m³). Pada awal tahun ini, sehingga April 2026 merekodkan penggunaan air sebanyak 188,637,540 m³ iaitu peningkatan sebanyak 2.45%, bersamaan 4,508,718 m³ berbanding sekitar tempoh yang sama pada tahun 2025 (184,128,822 m³)

Bagi pecahan oleh sektor domestik menunjukkan peningkatan dari Januari ke Mac 2026 dengan jumlah penggunaan sebanyak 83,338,646 m³ manakala penggunaan air yang direkodkan bagi kategori bukan domestik pula adalah 57,694,795 m³.

Bagi keseluruhan penggunaan elektrik tahun 2025 - 25,225.6 GWh dan keseluruhan penggunaan elektrik dari Januari hingga April 2026 adalah sebanyak 9,293.5 GWh. Bagi pecahan mengikut sektor yang terkini adalah Domestik : 455 GWH, Komersil : 1,021.8 GWH dan Industri : 591.9 GWH.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN 33 (A163)**

Isu cuaca global di Malaysia khususnya di negeri Johor telah menampakkan peningkatan tahap kepanasan yang tinggi. Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan penanaman pokok naungan yang besar bagi mengurangkan peningkatan suhu?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri melalui semua PBT sentiasa peka terhadap isu peningkatan suhu dan perubahan cuaca global yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, pelbagai langkah telah dilaksanakan secara berterusan bagi mempertingkatkan penanaman pokok teduhan bersaiz besar sebagai langkah mitigasi.

Antara pendekatan utama termasuk:

1. Penanaman pokok teduhan di kawasan strategik seperti jalan utama, kawasan awam dan perumahan
2. Sokongan berterusan daripada Jabatan Landskap Negeri Johor
3. Pelaksanaan projek landskap dan pengindahan bandar

Di samping itu, syarat penanaman pokok turut diwajibkan dalam setiap pembangunan baharu bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan alam sekitar.

Sebagai contoh di Kulai, dasar Tree Replacement Policy dilaksanakan dengan nisbah 1:3, di mana setiap satu pokok ditebang perlu digantikan dengan sekurang-kurangnya tiga pokok baharu.

Selain itu, PBT turut:

1. Menggalakkan penglibatan sektor swasta melalui program CSR
2. Mengenal pasti kawasan panas (urban heat hotspot) untuk tindakan bersasar
3. Melaksanakan pemantauan berterusan terhadap penanaman dan penyelenggaraan pokok

Kesimpulannya, usaha penghijauan bandar ini dilaksanakan secara berfasa dan berstrategi bagi mewujudkan persekitaran yang lebih lestari, nyaman dan kondusif.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 34 (A45)

Pesisiran pantai kawasan DUN Kota Iskandar hampir keseluruhannya terlibat pembangunan. Kesannya aktiviti nelayan tempatan sebagai punca pendapat semakin terjejas. Apakah langkah kerajaan memastikan sosio ekonomi mereka terus kukuh dan adakah hasrat membina jeti-jeti standard untuk nelayan dalam DUN Kota Iskandar?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor memandang serius kesan pembangunan pesat di kawasan pesisir pantai, khususnya di DUN Kota Iskandar yang memberi impak kepada sosioekonomi komuniti nelayan tempatan. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kerajaan Negeri bersama Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta agensi berkaitan bagi memastikan kelangsungan aktiviti nelayan dan sumber pendapatan mereka terus terpelihara.

Umumnya, terdapat beberapa pengkalan nelayan yang ada di sekitar DUN Kota Iskandar iaitu Kampung Sungai Melayu, Pengkalan Pok, Pendas, Simpang Arang (Kampung Orang Asli), Kampung Wawasan, Dapur Arang, Tiram Duku dan Kampung Pulau. Dengan pembangunan yang semakin rancak, Kerajaan Negeri akan sedaya upaya untuk mengekalkan pengkalan nelayan sedia ada, malah dinaik taraf kemudahan agar nelayan dapat menjalankan aktiviti dengan lebih selamat, teratur dan seterusnya berupaya meningkatkan pendapatan.

Kita tidak menolak pembangunan, namun menegaskan bahawa setiap projek yang dilaksanakan perlu mengambil kira kelangsungan hidup nelayan. Sebarang pembangunan yang memberi kesan kepada komuniti nelayan hendaklah disertai dengan perbincangan dan rundingan secara tertib antara pihak pemaju dan komuniti terlibat.

Dari segi pengurusan sumber dan peningkatan hasil tangkapan, Jabatan Perikanan Negeri Johor melaksanakan beberapa pendekatan strategik, antaranya program pemodenan vesel melalui penggunaan enjin berkuasa serta teknologi navigasi seperti GPS dan sonar bagi membolehkan nelayan meneroka kawasan tangkapan yang lebih luas dan selamat.

Di samping itu, pelaksanaan projek pelepasan unjam turut diperluaskan bagi mewujudkan habitat pembiakan ikan secara semula jadi, tempat pengumpulan ikan, sekali gus meningkatkan stok sumber laut dan memudahkan aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan tempatan. Pada tahun 2025, 20 set unjam dilepaskan oleh Jabatan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Perikanan di Pendas dan dijaga oleh kumpulan komuniti nelayan myKP (Komuniti Perikanan) Pendekar Laut. Projek ini membantu dalam aktiviti penangkapan ikan dan aktiviti perikanan rekreasi.

Dalam usaha memperkukuh sosioekonomi nelayan, pendekatan diversifikasi pendapatan turut diberi penekanan melalui bantuan Industri Asas Tani (IAT). Nelayan dan ahli keluarga digalakkan menceburi aktiviti hiliran seperti pemprosesan hasil laut bagi menambah sumber pendapatan. Sebagai contoh, di sekitar DUN Kota Iskandar, terdapat penerima bantuan di bawah Projek Pemasaran Produk Perikanan dengan nilai sebanyak RM12,750.00.

Selain itu, LKIM turut menyalurkan pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada nelayan seperti subsidi bahan api, elaun sara hidup, bantuan peralatan menangkap ikan serta insentif hasil tangkapan bagi mengurangkan kos operasi dan meningkatkan daya tahan ekonomi nelayan. Bantuan ini dilaksanakan secara berterusan sebagai jaringan keselamatan sosial kepada komuniti nelayan yang terjejas.

Selain itu, Kerajaan Negeri Johor turut mengambil pendekatan jangka panjang melalui pembangunan perkampungan tradisi di sekitar DUN Kota Iskandar yang juga terdapatnya komuniti nelayan. Contohnya, Pembangunan Kampung Sungai Melayu, Iskandar Puteri sebagai destinasi ekopelancongan berasaskan komuniti yang mampan.

Antara langkah utama ialah pelaksanaan projek pembangunan semula kampung ini melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), melibatkan pembinaan dan naik taraf pelbagai kemudahan pelancongan seperti pintu gerbang utama, jeti pelancongan dan nelayan, hentian pelawat, kemudahan inap desa serta mercu tanda baharu bagi memperkukuh identiti kampung sebagai produk pelancongan negeri.

Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada pendekatan ekopelancongan berasaskan komuniti (community-based tourism). Pendekatan ini membolehkan nelayan bukan sahaja bergantung kepada hasil tangkapan, malah turut menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti pelancongan seperti perkhidmatan bot, pengusaha inap rakit serta usahawan kecil.

Pembangunan Kampung Sungai Melayu merupakan contoh model ekopelancongan berasaskan komuniti yang berupaya menjana ekonomi setempat secara inklusif, termasuk kepada komuniti nelayan. Ia juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mengambil pendekatan holistik dalam memperkasa penduduk Kampung Sungai Melayu yang telah menetap selama lebih 30 tahun ini agar, tidak tertinggal dari arus pembangunan sekitar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 35 (A46)

Berapakah jumlah pusat dialisis sedia ada dikawasan Bukit Naning? Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah pusat dialisis dikawasan luar bandar seperti Mukim Ayer Hitam bagi mengurangkan kos serta masa perjalanan? Adakah terdapat skim bantuan pengangkutan khusus untuk pesakit dialisis kawasan pedalaman?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap keperluan perkhidmatan rawatan dialisis, khususnya di kawasan luar bandar seperti Mukim Ayer Hitam. Buat masa ini terdapat sebanyak 12 pusat hemodialisis swasta di dalam Daerah Muar yang merangkumi kawasan Bukit Naning manakala Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar mempunyai sebanyak 37 buah mesin dialisis bagi kegunaan Pesakit Dalam dan Pesakit Luar. Bagi Pesakit Luar, pesakit merupakan individu yang telah berdaftar dan mempunyai temujanji tetap bersama hospital. Walau bagaimanapun, pihak hospital tidak menyediakan perkhidmatan pengangkutan pergi/ balik kepada pesakit yang mendapatkan rawatan hemodialisis di hospital ini.

Perancangan untuk menambah pusat dialisis adalah bergantung kepada penilaian keperluan setempat, termasuk jumlah pesakit, akses kepada fasiliti sedia ada, serta kesesuaian lokasi. Dalam hal ini, pembukaan pusat dialisis baharu juga banyak dipacu oleh penglibatan pihak swasta dan badan bukan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam memperluaskan capaian perkhidmatan ini.

Bagi isu pengangkutan, pada masa ini tiada skim bantuan pengangkutan khusus yang disediakan secara menyeluruh oleh kerajaan bagi pesakit dialisis di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, kebanyakan pusat dialisis swasta menyediakan kemudahan pengangkutan bagi pesakit mereka, sama ada secara percuma atau dengan kadar yang minimum, bagi memastikan pesakit dapat hadir ke sesi rawatan secara konsisten.

Kerajaan akan terus meneliti keperluan semasa dari semasa ke semasa dan terbuka untuk memperkukuhkan sokongan, termasuk dari segi akses dan kebolehcapaian perkhidmatan, demi kesejahteraan pesakit.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 36 (A156)

Minta dinyatakan inisiatif khusus untuk memastikan anak muda Johor tidak perlu berhijrah ke negeri lain demi peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melaksanakan pendekatan “Jobs must go to where the people are”, iaitu membawa peluang pekerjaan terus ke komuniti tempatan. Ini dilakukan melalui penganjuran program seperti **Job Match, Job Fair dan program latihan di pelbagai daerah** termasuk Muar, Tangkak, Mersing dan Pontian.

Dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja, sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan, menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam memperluas akses peluang pekerjaan.

Program ini turut menyediakan temuduga secara walk-in dan padanan segera bagi mempercepatkan proses mendapatkan pekerjaan, khususnya kepada golongan belia dan graduan.

Selain itu, pembangunan ekosistem bakat melalui latihan kemahiran dan kerjasama industri memastikan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah relevan dan berpendapatan baik.

Hasilnya, pendekatan ini membantu mengurangkan keperluan anak muda Johor berhijrah ke negeri lain kerana peluang pekerjaan kini tersedia lebih dekat dengan tempat tinggal mereka.

Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 37 (A55)

Nyatakan strategi kerajaan negeri untuk menangani cabaran aliran keluar tenaga kerja mahir ke Singapura.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor mengiktiraf cabaran aliran keluar tenaga kerja mahir ke Singapura sebagai isu struktur yang memerlukan penyelesaian menyeluruh. Oleh itu, strategi utama adalah dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam negeri melalui pelaburan sektor bernilai tinggi seperti pusat data, teknologi dan automasi.

Melalui JTDC, fokus diberikan kepada penciptaan premium salary jobs yang mampu bersaing dengan pasaran luar. Data menunjukkan bahawa sektor pusat data di Johor menawarkan gaji yang kompetitif, sekali gus menjadi tarikan kepada tenaga kerja tempatan untuk kekal bekerja di negeri sendiri.

Selain itu, **pelaksanaan dasar “Local First Policy” memastikan bakat tempatan diberi keutamaan dalam pengambilan pekerja oleh syarikat, termasuk pelabur asing.** Ini dilaksanakan melalui platform JTDC Job Match yang menghubungkan majikan secara terus dengan tenaga kerja tempatan.

Kerajaan juga menstruktur semula pembangunan ekonomi melalui inisiatif seperti Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi yang menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Secara keseluruhannya, strategi ini bukan sahaja menahan aliran keluar tenaga kerja, tetapi juga menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama yang kompetitif di peringkat serantau.

Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang.** Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang.** Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri.** Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN 38 (A136)**

Apakah status tren komuter khusus untuk laluan dari Kulai ke Johor Bahru yang sebelum ini dijadualkan mulai beroperasi pada suku pertama tahun ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan KTM Komuter Selatan bagi jajaran Kulai ke Johor Bahru yang sebelum ini disasarkan beroperasi pada suku pertama tahun ini telah mengalami sedikit penjadualan semula dan kini dijangka akan mula beroperasi pada suku ketiga (Q3) tahun ini.

Jajaran Kulai ke Johor Bahru ini melibatkan laluan sepanjang kira-kira 25 kilometer dengan anggaran masa perjalanan sekitar 30 minit bagi satu hala perjalanan.

Perkhidmatan ini dijangka menyediakan sebanyak 32 trip sehari, meliputi perjalanan pergi dan balik antara Kulai, Kempas Baru dan Johor Bahru Sentral bagi menyokong mobiliti harian pengguna.

Pelaksanaan perkhidmatan ini akan memberi tumpuan kepada fungsi sebagai mod pengangkutan awam berkapasiti tinggi bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, khususnya di koridor utama seperti Kulai, Senai, Skudai dan pusat bandar Johor Bahru.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan dan pihak berkaitan turut memberi penekanan kepada integrasi dengan mod pengangkutan lain termasuk bas feeder dan kemudahan park and ride bagi memastikan keberkesanan first mile dan last mile serta menyokong kesalinghubungan ke RTS di Bukit Chagar.

Kesimpulannya, pelaksanaan perkhidmatan KTM Komuter Selatan bagi jajaran Kulai ke Johor Bahru ini merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh sistem pengangkutan awam, khususnya bagi koridor utara Johor Bahru. Dengan kapasiti perkhidmatan yang lebih tinggi serta integrasi bersama mod pengangkutan lain termasuk RTS, ia dijangka dapat mengurangkan kesesakan trafik, meningkatkan kecekapan mobiliti harian rakyat serta menyokong pembangunan ekonomi negeri secara menyeluruh.

Sekian Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 39 (A183)

Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan PKS tempatan turut mendapat manfaat daripada pelaburan asing dan projek berskala besar seperti pusat data dan pembuatan termaju?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

1. Program Pembangunan Vendor (VDP)

Kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk memastikan penggerak projek berimpak tinggi ini menggunakan khidmat pembekal tempatan seperti menganjurkan sesi *business matching* di mana PKS diperkenalkan kepada pelabur asing untuk membekalkan komponen, perkhidmatan penyelenggaraan, atau logistik.

2. Pembangunan Modal Insan

Bagi projek pembuatan termaju dan pusat data, cabaran utama PKS adalah kekurangan kepakaran teknikal untuk memenuhi standard global.

Pihak kerajaan boleh mempertimbangkan **Program Pusat Kecemerlangan** atau **Program Akademi dalam Industri** bagi membuka ruang latihan kepada pekerja PKS dalam bidang seperti kecerdasan buatan (AI) atau pembuatan termaju.

3. Insentif Kewangan atau Geran Padanan

Pihak kerajaan boleh menyediakan skim bantuan khusus untuk membantu PKS menaik taraf operasi mereka seperti **Geran Automasi** untuk membantu PKS membeli mesin CNC atau sistem robotik agar mereka mampu menjadi vendor kepada penggerak projek berskala besar/berimpak tinggi.

4. Dasar Perolehan Tempatan (Local Sourcing)

Kerajaan negeri mampu memainkan peranan strategik sebagai **pemudah cara komunikasi** dalam ekosistem industri. Melalui agensi galakan pelaburan seperti Invest Johor, kerajaan secara proaktif boleh mengetengahkan kompetensi PKS tempatan kepada pelabur berpotensi pada fasa rundingan awal.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**SOALAN 40 (A27)**

Berapakah jumlah terkini anak-anak gelandangan di negeri Johor mengikut daerah serta langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan akses mereka kepada pendidikan dan perlindungan sosial terjamin?

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**SOALAN 41 (A28)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai pangkalan data khusus bagi menjejaki anak-anak gelandangan, termasuk status kewarganegaraan, pendidikan, dan kesihatan mereka?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memandang serius mengenai isu anak-anak gelandangan di Negeri Johor. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah melaksanakan Operasi penguatkuasaan mengambil gelandangan secara harian dan berkala (berjadual) yang melibatkan kerjasama diantara pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Operasi ini dijalankan di setiap daerah di negeri Johor.

Dari tahun 2025 sehingga Mac 2026 seramai empat orang (4) kanak-kanak telah diambil semasa operasi gelandangan iaitu di daerah Johor Bahru sahaja. Daripada jumlah tersebut seorang (1) kanak-kanak telah ditempatkan di Pusat Jagaan Kanak-kanak berdaftar manakala tiga orang (3) kanak-kanak telah diserahkan kepada waris.

Bagi daerah-daerah lain tiada kes kanak-kanak gelandangan yang direkodkan dari tahun 2025 hingga Mac 2026.

Pelindung Kanak-kanak di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah mempunyai dan menyimpan rekod kanak-kanak yang diselamatkan dibawah seksyen 17 Akta kanak-kanak 2001 termasuk kanak-kanak yang terlibat dalam isu gelandangan. Untuk makluman jumlah kes pemeliharaan dan perlindungan seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2025 adalah sebanyak 1067 kes dan pada tahun 2026 sehingga bulan Mac ialah 352 kes yang mana jumlah ini termasuk kanak-kanak yang diselamatkan semasa operasi gelandangan di daerah-daerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 42 (A84)

Minta dinyatakan apakah matlamat utama penubuhan FarmByte Sdn Bhd, sebuah anak syarikat JCorp, dalam agenda keterjaminan makanan Johor serta faktor yang menyebabkan pelaksanaannya masih belum bermula.

JAWAPAN YB DATO' ZAHRI BIN SARIP

Penubuhan FarmByte Sdn Bhd (anak syarikat kepada Johor Corporation menerusi Kulim (Malaysia) Berhad) adalah selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri Johor dalam memperkukuh agenda keterjaminan makanan negeri. Asalnya, matlamat utama penubuhan FarmByte adalah untuk membangunkan sektor agromakanan secara moden, bersepadu dan berskala besar dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi terkini, peningkatan produktiviti serta pengeluaran makanan yang konsisten dan berkualiti.

Selain itu, FarmByte berperanan sebagai pemacu pelaburan strategik dalam sektor pertanian, termasuk menarik penyertaan pelabur, mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian serta membangunkan rantaian nilai makanan yang lengkap daripada pengeluaran hingga ke pemasaran. Dalam konteks contract farming, FarmByte Sdn Bhd berperanan sebagai pemudah cara dan penyelarar utama antara pengusaha pertanian dengan pasaran. Melalui model ini, FarmByte menyediakan sokongan menyeluruh kepada petani, di samping khidmat nasihat teknikal serta pemantauan pengeluaran bagi memastikan hasil yang berkualiti dan konsisten.

Pada masa yang sama, FarmByte turut bertindak sebagai off-taker, iaitu menjamin pembelian hasil pengeluaran pada harga yang dipersetujui. Ini memberi kepastian pasaran kepada pengusaha serta mengurangkan risiko turun naik harga dan ketidaktentuan permintaan. Namun, akhir tahun 2025, Johor Corporation telah melaksanakan penyusunan semula strategik Kulim (Malaysia) Berhad dan Farmbyte Sdn Bhd telah ditamatkan operasinya. Ia bertujuan untuk memperkukuhkan kecekapan operasi, menambah nilai kepada keseluruhan ekosistem perniagaan kumpulan, serta memberi tumpuan bagi aktiviti teras yang dapat menyokong pertumbuhan jangka panjang kumpulan secara keseluruhan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 43 (A15)

Apakah kerajaan bercadang untuk membangun semula Dataran Kembara berikutan dataran tersebut mengalami kerosakan akibat monsun timur laut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Hasil lawatan di tapak mendapati terdapat kerosakan pada struktur tembok penahan ombak serta infrastruktur di kawasan tersebut akibat Monsun Timur Laut.

Kerja pembaikan berada di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan satu permohonan telah dikemukakan kepada PETRA dengan anggaran kos sebanyak RM30 juta bagi kerja pembaikan di kawasan pesisir pantai Mersing.

Pembangunan semula kawasan akan dilaksanakan secara berfasa selepas kerja pembaikan struktur utama disiapkan, bagi memastikan ketahanan jangka panjang serta keselamatan kawasan.

Dalam masa yang sama, Majlis Daerah Mersing terus melaksanakan penyelenggaraan berkala bagi memastikan kawasan kekal selamat dan terurus.

Kesimpulannya, pendekatan ini memastikan pembangunan semula dilaksanakan secara terancang, selamat dan berdaya tahan terhadap perubahan cuaca.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 44 (A87)

Minta dinyatakan apakah status pelaksanaan Zon Pelaburan Pelancongan (STIZ) di negeri Johor yang disebut dalam laporan Tinjauan Ekonomi 2026 sebagai antara projek nasional strategik?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Special Tourism Investment Zones (STIZ) adalah inisiatif khas daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Berikut adalah ulasan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengenai inisiatif ini.

1. Inisiatif STIZ diperkenalkan di bawah Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 bagi menggalakkan pelaburan swasta bernilai tinggi. Ia bertujuan membangunkan kawasan pelancongan berpotensi serta mempelbagaikan produk pelancongan yang unik, inovatif dan berdaya saing di peringkat global.
2. Ketika ini, Kementerian Ekonomi bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedang memuktamadkan Garis Panduan Pelaksanaan STIZ yang disasarkan siap pada tahun ini. Memorandum berkaitan STIZ akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Setelah diluluskan, garis panduan tersebut akan dikongsi dengan semua Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 45 (A180)

Berapakah peratus penurunan pengangguran setakat penghujung Disember 2025 di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pengangguran merujuk kepada individu yang tidak bekerja dalam minggu rujukan dan boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu penganggur aktif — mereka yang bersedia dan sedang mencari pekerjaan — serta penganggur tidak aktif, iaitu mereka yang tidak bekerja tetapi tidak mencari pekerjaan secara aktif atas faktor tertentu seperti kesihatan atau menunggu keputusan permohonan kerja.

Dalam konteks perlindungan sosial, pekerja sektor swasta yang kehilangan pekerjaan dilindungi melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, yang menyediakan pelbagai bentuk bantuan termasuk elaun mencari pekerjaan, latihan peningkatan kemahiran serta khidmat padanan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs. Pendekatan ini memastikan individu yang kehilangan pekerjaan tidak terpinggir, sebaliknya dibantu untuk kembali memasuki pasaran buruh dengan lebih cepat.

Berdasarkan statistik terkini Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Johor setakat penghujung tahun 2025 kekal stabil pada paras 2.5%, iaitu lebih rendah daripada kadar nasional sebanyak 2.9%. Lebih penting lagi, bilangan penganggur di Johor pada suku tahun keempat 2025 telah menurun sebanyak 2.7%, bersamaan pengurangan kira-kira 1,500 orang, daripada 56,200 orang kepada 55,000 orang.

Penurunan ini bukan sekadar angka statistik, tetapi menunjukkan bahawa pasaran buruh Johor berada dalam keadaan stabil, berdaya tahan dan terus berkembang, selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi serta kemasukan pelaburan berkualiti tinggi ke negeri ini serta mencerminkan keberkesanan usaha berterusan Kerajaan dalam merangsang peluang pekerjaan, memperkukuh kemahiran tenaga kerja serta memastikan pertumbuhan ekonomi negeri diterjemahkan kepada peluang pekerjaan sebenar kepada rakyat Johor.

Pada masa yang sama, sistem perlindungan seperti SIP PERKESO memastikan bahawa mereka yang kehilangan pekerjaan terus mendapat sokongan dan peluang untuk kembali bekerja, sekali gus menjadikan pasaran buruh Johor lebih inklusif dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN 46 (A139)**

Apakah inisiatif kerajaan dalam pemantauan kerja-kerja pembinaan projek-projek besar seperti pusat data yang dilaburkan oleh pelabur asing dari segi kebajikan pekerja dan peluang bekerja untuk warga tempatan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi melatih tenaga kerja tempatan dalam **bidang kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi industri, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital**. Pendekatan utama yang digunakan ialah model **“end-to-end talent ecosystem”**, yang merangkumi **keseluruhan rantaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja, sehinggalah kepada penempatan pekerjaan berpendapatan tinggi**. Pendekatan ini memastikan pembangunan bakat bukan sahaja tertumpu kepada latihan semata-mata, tetapi turut menjamin kebolehpasaran graduan dan pekerja.

Dari sudut pelaksanaan program, **JTDC memberi penekanan kepada latihan berasaskan industri (*industry-driven training*) yang disesuaikan dengan keperluan sektor berimpak tinggi**. Antaranya ialah pelaksanaan **Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC)** yang memberi pendedahan langsung kepada teknologi pusat data, salah satu sektor utama dalam ekonomi digital Johor. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pemain industri global serta institusi pendidikan tempatan seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik dan universiti.

Sehingga kini, hasil pelaksanaan program latihan ini menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Seramai **5,433 peserta telah menamatkan latihan**, manakala **9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat**, dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta. Ini membuktikan skala pelaksanaan yang besar dan komprehensif dalam membangunkan tenaga kerja masa depan Johor. Pendekatan berstruktur ini juga membantu membina *talent pipeline* yang selari dengan keperluan pelabur dan industri baharu yang memasuki negeri ini.

Selain latihan, impak utama dapat dilihat melalui sistem padanan pekerjaan yang bersepadu. Berdasarkan laporan terkini, terdapat **17,436 pencari kerja berdaftar**, dan daripada jumlah tersebut **5,889 telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan**, manakala **2,015 telah ditempatkan secara langsung** melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik seperti PERKESO. Ini menunjukkan bahawa program latihan bukan sahaja meningkatkan kemahiran, malah berjaya diterjemahkan kepada peluang pekerjaan sebenar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Tambahan pula, perkembangan sektor pusat data sebagai antara fokus utama ekonomi digital Johor turut memperlihatkan hasil yang ketara. Sehingga Mac 2026, sektor ini telah mewujudkan lebih **1,164 peluang pekerjaan**, dengan **96% daripadanya menawarkan gaji melebihi RM4,000**. Ini membuktikan bahawa latihan dalam bidang teknologi tinggi seperti automasi dan AI memberi pulangan dalam bentuk pekerjaan berpendapatan premium, sekaligus meningkatkan taraf hidup tenaga kerja tempatan.

Secara keseluruhannya, inisiatif JTDC telah berjaya mewujudkan ekosistem pembangunan bakat yang mampan dan berimpak tinggi. Latihan kemahiran masa depan yang disokong oleh kerjasama industri, sistem data yang komprehensif, serta mekanisme padanan pekerjaan yang efisien telah menghasilkan impak nyata dalam pasaran pekerjaan negeri. Ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja Johor, malah mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi yang mampu menarik pelaburan global.

Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 47 (A159)

Minta dinyatakan apakah usaha, langkah strategik serta pelan tindakan kerajaan negeri membuat persediaan menghadapi musim kemarau yang semakin membimbangkan, khususnya aspek jaminan bekalan air, pengurusan sumber air, kesiapsiagaan agensi berkaitan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pemantauan semasa paras sungai dan juga empangan oleh pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) mendapati berlaku penyusutan yang ketara di beberapa lembangan sungai dan juga empangan di sekitar Negeri Johor. Sebagai contoh, paras terendah yang dicatatkan di Sg. Muar (Muka Sauk Gersik) bagi Mac 2026 adalah -0.24 mMSL berbanding paras normal iaitu di atas 0.6 mMSL. Sehubungan itu, bagi mengatasi situasi ini, pelepasan air sebanyak 50% bukaan injap (440 JLH) daripada Empangan Juaseh telah dilaksanakan secara berterusan.

Situasi yang sama juga berlaku bagi paras Empangan Upper Layang, Johor Bahru yang menunjukkan kadar penurunan harian sekitar 0.02 – 0.05 mm dan telah mencapai paras kritikal pada 4 Januari 2026. Langkah mitigasi yang telah diambil adalah dengan mengaktifkan Skim Pemindahan Air Mentah Layang.

Selain itu, dalam menghadapi keadaan cuaca kering dan iklim yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Johor melalui BAKAJ telah merangka beberapa pendekatan dan permohonan bagi pelaksanaan projek sumber air (air mentah) berskala besar seperti berikut:-

BIL	TAJUK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	SASARAN SIAP OLEH KERAJAAN NEGERI	STATUS SEHINGGA 31/03/2026
	RMK 12			
1	Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Sedili Besar - Sungai Gembut (kapasiti 18JLH)	41	2025 - 2027	- Kerja-kerja awalan - Kemajuan kerja - 3%
	3 TAPS dan BARAJ (kapasiti 556 JLH)		2028 - 2030	
	i. Pembinaan Baraj Sungai Muar - Fasa 1 (Perkhidmatan Perunding) (anggaran kapasiti 300 JLH)	58.8	-	- Pelantikan Perunding Siasatan Tanah (SI) pada 10 April 2026 - Dalam peringkat rekabentuk
2	ii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Pontian Besar, Johor (kapasiti 100 JLH)	455.12	2031	- Pelantikan Jurukur Tanah pada 30 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	iii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Sedili Besar, Johor (kapasiti 600 JLH)	572.4 (Kerja-kerja awalan sahaja)	-	- Pelantikan perunding rekabentuk pada 11 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	RMK 11			
3	Projek TAPS Sungai Johor (kapasiti sehingga 156 JLH)	605	2028 - 2030	- Dalam proses pertukaran zon guna tanah - Dalam tindakan permohonan pengambilan batik tanah (PBT) oleh JBA

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Seterusnya, terdapat juga skim pemindahan air mentah yang akan diaktifkan apabila penyusutan sumber air / paras empangan berlaku. Antaranya:

- i. Skim Pemindahan Air Mentah dari Sg. Lenggor ke Empangan Congok (16 JLH)
- ii. Skim Pemindahan Air Mentah Layang (Sg. Sedili Besar – Empangan Seluyut – Empangan Upper Layang) (300 JLH).
- iii. Pemindahan Air Mentah dari kolam-kolam lombong tinggal dan disalurkan ke sungai berhampiran untuk digunakan oleh Loji Rawatan Air (LRA) di bahagian hilir sungai. Contoh, kolam lombong tinggal di kawasan tadahan Sg. Gembut disalurkan ke Sg. Gembut bagi tujuan abstraksi air oleh LRA Sg. Gembut.

Kerajaan Negeri juga telah memohon pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) kepada Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Seterusnya, pihak Ranhill SAJ telah merancang pelbagai projek pembangunan dan naiktaraf loji rawatan air (LRA) bagi memenuhi permintaan air bersih yang semakin meningkat di negeri Johor.

Untuk menampung keperluan tersebut, sebanyak 22 projek LRA baharu dan naiktaraf yang melibatkan pembangunan dan peningkatan kapasiti telah dirancang, termasuk dua projek LRA yang sedang dalam fasa pembinaan.

Antara projek tersebut yang masih dalam pembinaan adalah LRA Semangar Pakej 50 JLH, LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH) serta LRA Sg. Gembut 2 (10 JLH) yang dijangka siap pada tahun 2027. LRA Tenglu 2 (10 JLH) dan LRA Kg Tengah 3 (15 JLH) juga yang dijangka siap pada tahun 2029. Selain itu, beberapa projek lain seperti LRA Semangar 3 (150 JLH). LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH) dan LRA Yong Peng 4 (28 JLH) dijangka siap pada tahun 2030. Manakala LRA Sg. Sedili Besar (600 JLH) dan LRA Sg. Lenggor (20 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2031.

Di samping pembangunan baru, pihak Ranhill SAJ juga sedang melakukan naiktaraf LRA sedia ada seperti LRA Kahang Baru (2.82 JLH) dan LRA Gombang berkapasiti 3 JLH yang dijangka siap pada tahun 2031.

Sebanyak dua projek utama iaitu LRA Kayu ara Pasong 2 berkapasiti 40 JLH dan LRA Pagoh 2 (40 JLH) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2032. Manakala, LRA Kahang 2 berkapasiti 50 JLH pula dijangka siap pada tahun 2033.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

LRA ulu Sedili Fasa 1 dengan kapasiti 700 JLH pula dijadualkan siap sepenuhnya pada 2034, LRA Muar Baharu (50 JLH) serta LRA Batu Pahat Baharu (40 JLH) dijangka siap pada tahun 2036

Seterusnya pada tahun tahun 2042, dua buah LRA iaitu LRA Segamat Baharu berkapasiti 30 JLH dan LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH) dijadualkan siap, manakala LRA Pontian Baharu (70 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2043. LRA Gersik 2 pula dengan kapasiti 50 JLH dijangka siap pada tahun 2048.

Walau bagaimanapun, jangkaan siap bagi semua projek ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk keperluan sumber air mentah yang mencukupi. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan sistem bekalan air di negeri Johor dapat diperkukuh dan mampu memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri bersama jabatan dan agensi dalam sektor air sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**SOALAN 48 (A98)**

Apakah usaha kerajaan dalam memastikan pengguna air di Johor tidak terjejas terutamanya apabila berlakunya keadaan kemarau yang berpanjangan sehingga menjejaskan kawasan simpanan bekalan air dan sungai yang semakin cetek?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pemantauan semasa paras sungai dan juga empangan oleh pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) mendapati berlaku penyusutan yang ketara di beberapa lembangan sungai dan juga empangan di sekitar Negeri Johor. Sebagai contoh, paras terendah yang dicatatkan di Sg. Muar (Muka Sauk Gersik) bagi Mac 2026 adalah -0.24 mMSL berbanding paras normal iaitu di atas 0.6 mMSL. Sehubungan itu, bagi mengatasi situasi ini, pelepasan air sebanyak 50% bukaan injap (440 JLH) daripada Empangan Juaseh telah dilaksanakan secara berterusan.

Situasi yang sama juga berlaku bagi paras Empangan Upper Layang, Johor Bahru yang menunjukkan kadar penurunan harian sekitar 0.02 – 0.05 mm dan telah mencapai paras kritikal pada 4 Januari 2026. Langkah mitigasi yang telah diambil adalah dengan mengaktifkan Skim Pemindahan Air Mentah Layang.

Selain itu, dalam menghadapi keadaan cuaca kering dan iklim yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Johor melalui BAKAJ telah merangka beberapa pendekatan dan permohonan bagi pelaksanaan projek sumber air (air mentah) berskala besar seperti berikut:-

BIL	TAJUK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	SASARAN SIAP OLEH KERAJAAN NEGERI	STATUS SEHINGGA 31/03/2026
	RMK 12			
1	Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Sedili Besar - Sungai Gembut (Kapasiti 18JLH)	41	2025 - 2027	- Kerja-kerja awalan - Kemajuan kerja - 3%
	3 TAPS dan BARAJ (kapasiti 556 JLH)		2028 - 2030	
2	i. Pembinaan Baraj Sungai Muar - Fasa 1 (Perkhidmatan Perunding) (anggaran kapasiti 300 JLH)	58.8	-	- Pelantikan Perunding Siasatan Tanah (SI) pada 10 April 2026 - Dalam peringkat rekabentuk
	ii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Pontian Besar, Johor (kapasiti 100 JLH)	455.12	2031	- Pelantikan Jurukur Tanah pada 30 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	iii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Sedili Besar, Johor (kapasiti 600 JLH)	572.4 (Kerja-kerja awalan sahaja)	-	- Pelantikan perunding rekabentuk pada 11 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	RMK 11			
3	Projek TAPS Sungai Johor (kapasiti sehingga 156 JLH)	605	2028 - 2030	- Dalam proses pertukaran zon guna tanah - Dalam tindakan permohonan pengambilan batik tanah (PBT) oleh JBA

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Seterusnya, terdapat juga skim pemindahan air mentah yang akan diaktifkan apabila penyusutan sumber air / paras empangan berlaku. Antaranya:

- i. Skim Pemindahan Air Mentah dari Sg. Lenggor ke Empangan Congok (16 JLH)
- ii. Skim Pemindahan Air Mentah Layang (Sg. Sedili Besar – Empangan Seluyut – Empangan Upper Layang) (300 JLH).
- iii. Pemindahan Air Mentah dari kolam-kolam lombong tinggal dan disalurkan ke sungai berhampiran untuk digunakan oleh Loji Rawatan Air (LRA) di bahagian hilir sungai. Contoh, kolam lombong tinggal di kawasan tadahan Sg. Gembut disalurkan ke Sg. Gembut bagi tujuan abstraksi air oleh LRA Sg. Gembut.

Kerajaan Negeri juga telah memohon pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) kepada Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Seterusnya, pihak Ranhill SAJ telah merancang pelbagai projek pembangunan dan naiktaraf loji rawatan air (LRA) bagi memenuhi permintaan air bersih yang semakin meningkat di negeri Johor.

Untuk menampung keperluan tersebut, sebanyak 22 projek LRA baharu dan naiktaraf yang melibatkan pembangunan dan peningkatan kapasiti telah dirancang, termasuk dua projek LRA yang sedang dalam fasa pembinaan.

Antara projek tersebut yang masih dalam pembinaan adalah LRA Semangar Pakej 50 JLH, LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH) serta LRA Sg. Gembut 2 (10 JLH) yang dijangka siap pada tahun 2027. LRA Tenglu 2 (10 JLH) dan LRA Kg Tengah 3 (15 JLH) juga yang dijangka siap pada tahun 2029. Selain itu, beberapa projek lain seperti LRA Semangar 3 (150 JLH), LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH) dan LRA Yong Peng 4 (28 JLH) dijangka siap pada tahun 2030. Manakala LRA Sg. Sedili Besar (600 JLH) dan LRA Sg. Lenggor (20 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2031.

Di samping pembangunan baru, pihak Ranhill SAJ juga sedang melakukan naiktaraf LRA sedia ada seperti LRA Kahang Baru (2.82 JLH) dan LRA Gombang berkapasiti 3 JLH yang dijangka siap pada tahun 2031.

Sebanyak dua projek utama iaitu LRA Kayu ara Pasong 2 berkapasiti 40 JLH dan LRA Pagoh 2 (40 JLH) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2032. Manakala, LRA Kahang 2 berkapasiti 50 JLH pula dijangka siap pada tahun 2033.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

LRA ulu Sedili Fasa 1 dengan kapasiti 700 JLH pula dijadualkan siap sepenuhnya pada 2034, LRA Muar Baharu (50 JLH) serta LRA Batu Pahat Baharu (40 JLH) dijangka siap pada tahun 2036

Seterusnya pada tahun tahun 2042, dua buah LRA iaitu LRA Segamat Baharu berkapasiti 30 JLH dan LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH) dijadualkan siap, manakala LRA Pontian Baharu (70 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2043. LRA Gersik 2 pula dengan kapasiti 50 JLH dijangka siap pada tahun 2048.

Walau bagaimanapun, jangkaan siap bagi semua projek ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk keperluan sumber air mentah yang mencukupi. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan sistem bekalan air di negeri Johor dapat diperkukuh dan mampu memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri bersama jabatan dan agensi dalam sektor air sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 49 (A153)

Apakah peranan kerajaan negeri dalam memperkasa Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) khususnya di kawasan DUN Parit Yaani dan bagaimana NADI ini berupaya mempromosikan program Kerajaan Negeri?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa komited dalam memperkasa peranan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), khususnya dalam memperluaskan capaian maklumat dan meningkatkan literasi digital di peringkat komuniti.

Dalam usaha untuk terus memperkasa dan meningkatkan kebolehcapaian internet untuk semua rakyat Malaysia, MCMC turut menyediakan capaian internet secara kolektif menerusi 1,099 rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara. Di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kerajaan melalui MCMC memastikan agar sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap kawasan DUN untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Di Negeri Johor, kini terdapat 101 Pusat NADI yang telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, terdapat satu (1) NADI di kawasan DUN Parit Yaani, iaitu NADI Parit Yaani yang beralamat di Balai Raya Kompleks Penghulu Mukin VI Linau, Kampung Parit Suratman.

Komuniti setempat adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian internet dan kemudahan di NADI berkenaan. Selain itu, bagi membantu memperkasakan komuniti di sekitar NADI, MCMC telah memperkenalkan Inisiatif Perkhidmatan Pintar yang bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang komunikasi, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan 5 teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

Selaras dengan penjenamaannya pada 1 Mac 2024 yang lalu, NADI kini turut berperanan sebagai pusat sehati untuk penyampaian, promosi dan penembusan maklumat secara efektif mengenai inisiatif serta bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan dan Negeri ke kawasan luar bandar dan golongan sasar. NADI juga sedang diperkasa untuk membantu merapatkan jurang pengetahuan dengan menyalurkan maklumat terkini, betul dan tepat kepada rakyat terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman agar semua lapisan masyarakat tidak ketinggalan dalam arus pembangunan serta kemodenan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

kesedaran awam, malah memperkukuh jaringan komunikasi dua hala antara Kerajaan Negeri dan masyarakat setempat.

Seiring dengan itu, MCMC melalui NADI juga melaksanakan inisiatif advokasi melalui Kempen Internet Selamat yang telah dilancarkan pada Januari 2025 bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan dalam talian bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah dalam talian, menjadi pengguna internet yang beretika dan seterusnya mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat.

Sejak dilancarkan pada tahun 2025 sehingga 9 April 2026, sebanyak 1,190 program Kempen Internet Selamat telah dilaksanakan di seluruh Negeri Johor, melibatkan pelbagai kumpulan sasaran seperti pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar institusi pengajian tinggi, belia, ibu bapa, warga emas, sektor awam dan swasta, pertubuhan masyarakat serta komuniti setempat. Program ini memberi penekanan kepada aspek keselamatan dalam talian, etika penggunaan media sosial serta kesedaran terhadap risiko penyebaran kandungan berunsur 3R.

Di samping itu, MCMC telah melancarkan aplikasi MCMC NEXUS bagi membantu pengguna memantau kelajuan perkhidmatan internet ujian secara lebih tepat dan telus. MCMC NEXUS merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh MCMC bagi membantu pengguna mengukur, memantau dan menilai kualiti perkhidmatan internet di Malaysia secara telus dan berasaskan data. Data sumber khalayak (*crowdsourcing*) ini amat penting bagi membantu MCMC dan Pemberi Perkhidmatan memetakan penyelesaian bagi masalah capaian internet lemah secara lebih tepat dan pantas di Negeri Johor.

Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan internet dan kualiti perkhidmatan, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada Pemberi Perkhidmatan dan juga kepada MCMC melalui pautan <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN 50 (A140)**

Berapakah cadangan membina Klinik Kesihatan yang masih dalam proses pemberi milikan tanah kerajaan di seluruh negeri? Sila nyatakan maklumat terperinci mengikut tarikh permohonan.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan yang masih dalam proses pemberi milikan tanah kerajaan di seluruh negeri Johor sebagaimana jadual.

Maklumat terperinci mengikut tarikh permohonan.

BIL	NO LOT	PROJEK	DAERAH	STATUS PERMOHONAN	TARIKH PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN
1	Lot 2558, Bandar Johor Bahru Tanah Warta WKN Bil 332 bth 6.3.1941 Tanah Rizab Persekutuan Kubur kegunaan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Status Tanah : Rizab Persekutuan Keluasan asal 12.9 ekar Keluasan baru 9.67ekar Tanah kosong 5.6692 ek Tanah kubur :3.6659 ek	KK2 Majidee Baharu	Johor Bahru	Di peringkat : PTG Johor -Tanah telah mendapat kelulusan untuk tukarguna daripada tanah kubur HSAJB kepada tanah kegunaan kesihatan - Warta lama dalam proses pembatalan, sebutan kali ke dua	5 Disember 2023 7 November 2025 Surat susulan telah dihantar untuk mendapatkan status terkini

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Bil	No. Lot	Projek	Daerah	Status Permohonan	Tarikh permohonan pemberimilikan
2	PTD 114861, Mukim Senai, Luas :10 ekar Status Tanah : Tanah Serahan Pemaju	Kompleks Kesihatan Awam dan KK2 Bandar Putra, Kulai	Kulai	Di peringkat: PTG Johor <ul style="list-style-type: none"> Pihak PTG Johor mohon supaya pihak JKNJ mengeluarkan surat permohonan pertimbangan pemberimilikan tanah bagi projek KKM dalam RMK-13. JKN Johor telah emel surat diminta pada 23 Januari 2026 	25 November 2024
3	PTD 7850, HSD 629102 Mukim Tanjung Kupang Luas : 15 ekar Status Tanah : Tanah Serahan Pemaju PTD Baru: 11547	KK 2 Gerbang Nusajaya	Johor Bahru	Di peringkat: PTD JB <ul style="list-style-type: none"> Kerja awalan telah diluluskan walaupun urusan hakmilik masih belum diselesaikan Permohonan masih di JKPTG HQ kerana adalah masalah kuir pada pelan Pihak PTD JB akan mengeluarkan pelan ctc dalam masa terdekat. Permohonan dari JKN Johor telah dibuat pada 22 Januari 2025 Untuk masuk ke tapak projek, permohonan boleh dibuat di PTD JB 	28.11.2024
4	PTD 105166 Mukim Senai Luas : 4.99 ekar Status Tanah : Tanah Serahan Pemaju	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Taman Mewah	Kulai	Di peringkat: PTG Johor <ul style="list-style-type: none"> Kertas Minit telah dibawa ke dalam mesyuarat MMK dan bacaan telah dibuat sebanyak 4x dan tiada bantahan Dijangkakan akan mendapat Keputusan pada awal Febuari 2026 	19 Februari 2020

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Bil	No. Lot	Projek	Daerah	Status Permohonan	Tarikh Permohonan Hakmilik
5	MLO 4944 Mukim Kulai Luas : 0.6936 ekar Status Tanah : Tanah Kerajaan Rizab Awam	Peluasan Fungsi KK Senai	Kulai	Di peringkat: JKNJ Ulasan teknikal telah lengkap. Akan diangkat ke MJPPT pada awal 2026	28 Oktober 2024
6	PTD 62312 Mukim Sedenak Luas : 6.193 ekar Status Tanah : Tanah Kerajaan Rizab Awam	KK3 Kampung Murni Jaya	Kulai	Di peringkat: JKNJ Ulasan teknikal telah lengkap. Akan diangkat ke MJPPT pada awal 2026	21 Oktober 2024
7	HSM 97 MLO 2256 – 2.0234 ha HSM 501 PTD 7991 – 0.607 ha HSM 4294 PTD 7992 – 0.607 ha Mukim Sedenak 3.238 hektar atau 8.00 ekar (DIGANTI DENGAN TANAH SBKS - JCORP)	KK3 Kampung Bukit Batu	Kulai	Di peringkat: JKNJ Ulasan teknikal telah lengkap. Akan diangkat ke MJPPT pada awal 2026 Mesyuarat dengan pihak JCorp akan diadakan pada 13 Februari 2026 (Tanah SBKS)	28 Oktober 2024

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Bil	No. Lot	Projek	Daerah	Status Permohonan	Tarikh Permohonan Hakmilik
8	PTD 166886 – 4.67 ekar Mukim Pulai Luas: 4.67 ekar Status Tanah : Tanah Serahan Pemaju	KK3 Kangkar Pulai	Johor Bahru	Di peringkat: PTG Johor <ul style="list-style-type: none"> • Pihak PTG Johor memaklumkan permohonan pemberimilikan atas tanah kosong/ tanpa kelulusan projek akan di rizabkan dahulu. • Mohon setiap permohonan pemberimilikan di sertakan dengan Laporan VA Lab untuk diangkat Bersama kertas minit didalam MMK. • Cadangan PTG: Kepilkan surat permohonan pertimbangan pemberimilikan tanah bagi projek. • JKN Johor emel surat diminta pada 23 Januari 2026 	19 April 2022
9	PTB 147 Luas: 2.757 ekar Status Tanah : Rizab Persekutuan Tanpa Warta (Tapak klinik sedia ada)	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Rengit	Batu Pahat	Diperingkat JKPTG - Lot 147 seluas 2.757 ekar tidak cukup untuk membuat KK dan kuarter - Permohonan Lot 148 milik KKR tidak diluluskan kerana terdapat 4 kuarter JKR yang masih digunapakai - Pihak JKNJ mohon pihak JKPTG untuk mencadangkan tapak lain seluar 5 ekar di kawasan berhampiran untuk tapak klinik yang baru.	- 25 Feb 2019

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Bil	No. Lot	Projek	Daerah	Status Permohonan	Tarikh Permohonan Hakmilik
10	GM 11681 Lot 2064 – 0.6576 ha GM 11682 Lot 2065 – 0.999 ha GM 13745 Lot 28468 – 0.5849 ha Mukim Grisek (Tanah Individu –PBT) 2.242 hektar atau 5.5401 ekar	KK3 Bukit Gambir	Tangkak	Di peringkat: JKNJ 3.10.25 mesyuarat Pra Rundingan telah dibuat di KK Sagil bersama PTD Tangkak. Tindakan JKNJ ; Laporan Tanah dan Ulasan Teknikal akan diangkat masuk ke dalam MJPPPT Bil 1/2026	5 Disember 2024
11	LOT 686 Mukim Chaah Luas: 5.469 ekar Status Tanah : Tanah Warta – Tanah Rizab Kuari JKR 439 bth 15.5.1958	KK3 Chaah	Segamat	Di peringkat PTG Johor -Tanah Kuiru milik JKR - Permohonan tukarguna talah di angkat kepada PTD Segamat - Pihak PTD Segamat telah membuat perakuan ke PTD Johor pada 11 Februari 2026	
12	HSD 1112 PTB 399, Mukim Padang Endau, -7 ekar (Tanah PTP seliaan Kementerian Dalam Negeri)	KK3 Endau	Mersing	Di peringkat; KKM telah mengemukakan permohonan pengesahan tapak kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui surat bertarikh 30 Julai 2024.	13 Jun 2024

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 51 (A16)

Endau masih menerima aduan berkaitan lembu liar berkeliaran di kawasan jalan. Setakat ini, apakah tindakan yang dijalankan oleh kerajaan kepada penternak yang gagal memasang tag di haiwan peliharaan mereka?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Mersing, isu ternakan seperti lembu yang berkeliaran adalah tertakluk kepada Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1976 (Akta 171) serta Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Mersing) 1995 yang digubal di bawah peruntukan akta tersebut. Melalui peruntukan ini, pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mengawal kacau ganggu yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam, termasuk menangkap dan menyita haiwan ternakan yang dibiarkan berkeliaran.

Haiwan ternakan seperti lembu yang berkeliaran dan ditangkap oleh pihak berkuasa adalah tertakluk kepada tindakan pelupusan melalui kaedah lelongan awam berdasarkan Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau yang digubal di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1976 (Akta 171). Berdasarkan notis rasmi, haiwan yang disita akan dilelong sekiranya tidak dituntut oleh pemilik dalam tempoh yang ditetapkan, dan proses lelongan ini dilaksanakan mengikut syarat serta prosedur yang ditetapkan oleh pihak majlis.

Pelaksanaan lelongan ini bertujuan memastikan penguatkuasaan dapat dijalankan secara berkesan, di samping memberi peringatan kepada pemilik ternakan agar tidak membiarkan haiwan berkeliaran sehingga mengganggu keselamatan awam. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab menjaga dan mengawal ternakan adalah terletak sepenuhnya kepada pemilik, manakala pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan keselamatan awam, mengelakkan gangguan serta memelihara ketenteraman kawasan setempat.

Majlis Daerah Mersing telah melaksanakan pemantauan secara berfokus dan berkala di beberapa kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi "hotspot" haiwan berkeliaran, antaranya di Endau, Jalan Felda Nitar dan Jalan Gugusan Felda Tenggaroh. Selain itu, pihak Majlis turut mengemukakan permohonan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Mersing melalui surat rasmi bertarikh 11 Mac 2026 dan 13 April 2026 bagi mendapatkan permit interim untuk melaksanakan tindakan menembak haiwan ternakan berkeliaran oleh penembak berlesen.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

Dalam usaha menangani isu ini secara lebih berkesan, operasi bersepadu turut dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai agensi termasuk Pejabat Daerah Mersing, Majlis Daerah Mersing, IPD Mersing serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing. Sepanjang tahun 2026, beberapa siri tindakan telah dijalankan, antaranya pada 13 Januari 2026, 10 hingga 11 Mac 2026 serta 23 April 2026.

Pelaksanaan operasi ini dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keselamatan awam, kebajikan haiwan serta pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Untuk makluman, pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak mempunyai punca kuasa untuk mengenakan tindakan terhadap penternak yang tidak memasang tag pada haiwan ternakan mereka. Walau bagaimanapun, jabatan telah mengambil langkah proaktif dengan memasang tag pada 1,323 ekor lembu daripada jumlah keseluruhan populasi 2,777 ekor lembu di DUN Endau. Pada masa yang sama, jabatan turut sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain dalam pelaksanaan operasi bersepadu bagi menangani isu ini. Sebagai contoh, Program Penternak bersama jabatan dan agensi kerajaan di Sungai Mengkuang, Endau yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah Mersing telah dilaksanakan sebagai platform untuk mencari penyelesaian terhadap isu lembu berkeliaran.

Selain itu, pihak jabatan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani masalah lembu berkeliaran. Antaranya termasuk pemberian bantuan pagar siklon dan tiang batu kepada penternak di DUN Endau. Pada tahun 2025, seramai tiga (3) orang penternak telah menerima bantuan tersebut, manakala bagi tahun 2026, seramai empat (4) orang penternak lagi dijadualkan untuk menerimanya.

Di samping itu, kursus kesedaran turut diadakan di daerah Mersing dengan memberi penekanan kepada sikap tanggungjawab penternak terhadap ternakan masing-masing serta kepentingan biosekuriti. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada penternak mengenai amalan pengurusan ternakan lembu yang baik serta aspek kebajikan haiwan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 4 MEI 2026**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 52 (A43)

Zon Kewangan Khas (SFZ) Forest City dan JS-SEZ, apakah langkah proaktif kerajaan negeri dalam memastikan penglibatan Persatuan PERKOBF, persatuan syarikat kontraktor Bumiputera berkelas F atau sebagainya di Kota Iskandar dapat dilibatkan dalam mendapatkan kerja-kerja dan projek bekalan di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Kerajaan Negeri Johor komited memastikan penglibatan aktif syarikat kontraktor Bumiputera berkelas F dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) melalui pendekatan inklusif dan berfokus kepada pemerkasaan industri tempatan.

Untuk makluman, terdapat syarat yang telah dikenakan kepada pelabur yang memohon insentif khas JSSEZ. Sebagai contoh, pelabur di bawah projek *Smart Logistic Complex* hendaklah menggunakan khidmat kontraktor tempatan bagi pembinaan gudang pintar. Oleh yang demikian, kontraktor - kontraktor tempatan khususnya bolehlah mengambil peluang yang ada untuk turut serta dalam pembangunan di JSSEZ.

Dalam masa yang sama, Johor Centre for Construction Development (JCCD) berperanan sebagai platform penyelarasan utama Kerajaan Negeri dalam memperkukuh penyertaan kontraktor tempatan. Melalui JCCD, proses pemetaan, pendaftaran serta pemadanan kontraktor tempatan dengan peluang projek dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan telus. JCCD juga menyediakan latihan, pensijilan serta pembangunan kapasiti bagi memastikan kontraktor termasuk kelas F mampu memenuhi keperluan projek berskala besar di kawasan seperti JS-SEZ dan Zon Kewangan Khas.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini memastikan syarikat tempatan bukan sahaja mendapat peluang, malah mampu menjadi rakan strategik dalam pembangunan ekonomi negeri.

Sekian, terima kasih.